

BAB KETIGA

BAB KETIGA

HUBUNGKAIT HURUF-HURUF MUQATTA·AH DENGAN KANDUNGAN SURAH-SURAH.

3.1. Konsep Dan Maksud Huruf Muqatta·ah

Huruf-huruf Muqatta·ah merupakan huruf-huruf abjad yang berada di permulaan surah-surah al-Quran yang tertentu, iaitu surah-surah al-Baqarah, Ali-Imran, al-A'raf, Yunus, Hud, Yusuf, al-Ra'du, Ibrahim, al-Hijr, Taha, al-Syuara', al-Naml, al-Qasas, al-Ankabut, al-Rum, Luqman, al-Sajadah, Yasin, Sad, Ghafir, Fussilat, al-Syura, al-Zukhruf, al-Dukhan, al-Jathiah, al-Ahqaf, Qaf dan al-Qalam.

Ia merupakan huruf-huruf cerai, sebagaimana yang dijelaskan oleh Baginda Rasulullah S.A.W di dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi seperti berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ قَرَأَ حَزْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى فَلَهُ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا، لَا قُولُ الْحَزْفِ وَلِكَنَ الْفَ حَزْفٌ لَامْ حَزْفٌ وَمِنْهُ حَزْفٌ". رواه الترمذى

Yang bermaksud:

Daripada Abdullah bin Masud Radiya Allah Anhu berkata :

Bersadra Rasulullah S.A.W: "Sesiapa yang membaca satu huruf dari kitab Allah Ta'ala maka baginya kebaikan dan kebaikan itu adalah sebanyak sepuluh kebaikan, aku (Rasulullah) tidak kata

“*satu huruf tetapi alif satu huruf lam satu huruf dan mim satu huruf.*”

Huruf-huruf cerai itu digabungkan dalam bentuk dua huruf, iaitu yang terdiri daripada huruf-huruf طس، يس، ح و الـ، المـ، المـ، المصـ، كهـصـ، حـ، عـقـ، صـ، نـ . Walaupun ia digabungkan sehingga lima huruf namun ia tidak membentuk satu perkataan yang boleh memberi maksud sebagai satu perkataan Arab (al-Zarkasyiyy. 1988: 1/ 214 – 226).

Terdapat berbagai pendapat ulama terhadap penggunaan huruf-huruf tersebut di permulaan surah-surah yang disebutkan di atas. Di antaranya pendapat al-Syeikh Ahmad Mustafa al-Marāghiy (al-Marāghiy. 1974: 1/ 39) menyatakan bahawa :

“*huruf-huruf (الـ) dan yang seumpama dengannya merupakan huruf-huruf yang digunakan oleh Allah S.W.T. untuk menarik perhatian pendengar kepada apa yang akan disampaikan selepasnya dan sebagai tanda mukjizat al-Quran serta mengemukakan hujah-hujah kepada golongan ahli kitab*”.

Ibnu Abbas (al-Qurtubiyy. 1988: 1/ 156) berpendapat :

“(١) bermaksud Allah , (جـ) bermaksud Jibril dan (مـ) bermaksud Muhammad”.

Sufian al- Thauriyy berkata daripada Ibn Abi Najih daripada Mujahid berkata (Ibn Kathir. 1991: 1/ 34). :

“**الْمُ حَمْ ، الْمُصْ**” merupakan pembukaan yang Allah S.W.T. memulakan dengannya al-Quran”.

Diriwayatkan daripada Hassan (al-Wahidiyy. 1994: 1/ 76). bahawa dia berkata :

“**الْمُ** dan semua huruf al-tahajji di dalam al-Quran merupakan nama kepada surah-surah al-Quran”.

Qatādāt (Abi Ḥayyān al-Andalūsiyy. 1992: 1/ 58) berkata :

“ Ia adalah nama-nama al-Quran seperti al-Furqan”.

Al-Zujāj (al-Qurtubiyy. 1988: 1/ 109) juga memilih pendapat tersebut dengan katanya yang bermaksud :

“ *Saya berpendapat bahawa setiap huruf menunjukkan kepada makna yang tertentu, Sesungguhnya orang-orang Arab menggunakan huruf Muqattāah di dalam karya sastera mereka sebagai ganti kepada perkataan yang diduduki oleh huruf-huruf tersebut, sebagai contoh :* ”

لَقُلْتُ لَهَا رِفْيٌ لَقَاتَ قَافٍ

Yang hermaksud :

“*maka aku berkata kepadanya berhenti lalu ia berkata aku berhenti*”.

Yang dikehendaki di sini ialah : **لَقَاتَ وَقَاتُ**

Dan kata-kata Zuhair :

بِالْخَيْرِ خَيْرٌ وَإِنْ فَأْ • وَلَا مُزِيدٌ الشَّرُّ إِلَّا أَنْ تَ

Yang bermaksud :

"kebaikan dibalas dengan kebaikan sebaliknya jika kejahanan dibalas dengan kejahanan dan aku tidak mahu kejahanan kecuali ia dikehendaki begitu".

Yang dikehendaki di sini ialah: ﴿إِنْ شَرُّ فَيْشَرُ﴾ وَإِنْ لَا أَنْ كَثَرَ

Sebahagian ulama (al-Qurtubiy. 1988: 1/ 108) berpendapat bahawa :

"Ia merupakan rahsia Allah. Bagi Allah dalam semua kitab ada rahsia. Ia merupakan di antara perkara mutasyābihāt yang hanya diketahui oleh ilmu Allah sahaja, dan tidak wajib kita membincangkan padanya, akan tetapi kita wajib beriman dengannya dan membacanya sebagaimana ia telah datang".

Berdasarkan kepada pendapat di atas pada umumnya kita boleh bahagikan kepada dua pendapat mengenai huruf-huruf tersebut iaitu :

- 1) Ia merupakan satu ilmu yang tertutup dan rahsia yang terselindung. Ia juga merupakan sebahagian daripada perkara mutasyābihāt yang hanya Allah sahaja mengetahuinya.
- 2) Ia merupakan perkara yang dapat ditafsirkan maksudnya.

Berhubung dengan pendapat kedua ini ada empat perkara utama yang boleh dibuat sebagai kesimpulan daripada penggunaan huruf-huruf Muqatta·ah oleh Allah S.W.T. di permulaan surah-surah al-Quran iaitu sebagaimana berikut :

- 1) Ia merupakan nama-nama bagi surah al-Qurān.
- 2) Ia merupakan nama kepada al-Quran.

- 3) ia digunakan oleh Allah S.W.T sebagai satu ejekan ke atas orang-orang munafiqin yang mengingkari kebenaran al-Quran, dengan mengajak mereka mencipta satu surah ataupun satu huruf sama dengan huruf-huruf Muqatta·ah yang digunakan oleh Allah di awal surah-surah al-Quran.
- 4) ia merupakan pembukaan kepada surah-surah al-Quran yang dimulainya.

Daripada pendapat-pendapat yang telah dikemukakan tadi penulis lebih cenderung kepada pendapat yang mengatakan huruf-huruf tersebut dapat diterangkan maksudnya. Ini kerana jika huruf-huruf tersebut tidak dapat difahami maksudnya oleh manusia maka bertentanganlah dengan konsep al-Quran diturunkan untuk mencabar orang-orang kafir dan munafiqin yang ingkar terhadap al-Quran .

3.2. Huruf-Huruf ﷺ Dan Kaitannya Dengan Surah-Surah Al-Baqarah , Ali-Imran , Al-Ankabut , Al-Rum , Luqman Dan Al-Sajdah.

Huruf-huruf ﷺ merupakan gabungan tiga huruf yang terdiri daripada huruf-huruf ل , ح dan م . Sebagaimana yang telah diterangkan di dalam bab kedua bahawa huruf ل memberi makna yang satu, yang unggul dan tunggal. Huruf ini merupakan paparan awalan tentang apa yang akan dikemukakan oleh Allah S.W.T di dalam surah-surah yang didahuluinya. Ia mempunyai wacana yang amat rapat dengan kandungan permulaan surah-surah yang didahuluinya.

Di dalam surah al-Baqarah Allah S.W.T. telah memulakan dengan menceritakan tentang golongan mukmin yang sentiasa beriman dan mentaati Allah S.W.T. dan golongan Yahudi serta munafiqin yang sentiasa mengingkari kekuasaan dan keesaan Allah S.W.T(Sayyid Quṭub. 1992: 1 / 33). Kemudian Allah meneruskan dengan dakwah kepada semua manusia tentang ibadat kepada Allah dan beriman kepada kitab yang diturunkan kepada Baginda S.A.W. Hal ini kita boleh lihat melalui ayat 3 surah al-Baqarah seperti berikut :

*الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ.

Yang bermaksud :

“orang-orang yang beriman dengan perkara ghaib dan mendirikan sembahyang dan daripada rezeki yang mereka dapat mereka belanjakan di jalan Allah”.

Dan melalui ayat 24 surah al-Baqarah seperti berikut :

*وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّتَانِنَا عَلَى عَبْدِنَا فَاتُوا بِسُورَةٍ مِّنْ مِّثْلِهِ وَادْعُوا شَهِدًا عَمَّا
نَوْنَ إِنَّ اللَّهَ إِنْ كُنْتُمْ صَدِيقِنَ فَإِنْ لَمْ تَفْعُلُوا وَلَكُنْ تَفْعُلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ
وَالْحِجَارَةُ أَعْذَنْ لِلْكَافِرِينَ.

Yang bermaksud :

"Dan jika sekiranya kamu ragu-ragu dengan apa yang kami turunkan kepada hamba kami (Rasulullah S.A.W) maka bawa datanglah satu surah yang seumpama al-Quran dan ajaklah sekutu-sekutu kamu selain daripada Allah sekiranya kamu golongan yang benar maka jika sekiranya kamu tidak mampu lakukan dan sudah pasti kamu tidak mampu melakukannya maka takutlah terhadap api neraka Allah S.W.T. yang membakar manusia dan batu yang disediakan untuk orang-orang kafir".

Di dalam surah Ali-Imran, Allah S.W.T. membincangkan mengenai tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T. di samping kebenaran kenabian Nabi Muhammad S.A.W. serta kebenaran al-Quran (Hijāziyy. 1980: 3 / 33) dan penyataan bahawa agama yang diiktiraf di sisi Allah S.W.T. hanyalah agama Islam (al- Jazāriyy. 1993: 3 / 297), seperti yang terkandung di dalam ayat 2 surah Ali-Imran berikut :

*أَللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْفَقِيرُمْ .

Yang bermaksud :

"Allah tiada tuhan kecuali dia yang hidup kekal dan maha berkuasa".

Dan di dalam ayat 19 surah Ali-Imran seperti berikut:

*إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ اللَّهِ الْأَسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أَقْوَى الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ
بَغْيًا بَيْنَهُمْ وَمَنْ يَكْفُرْ بِأَيْتَ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ .

Yang bermaksud:

"Sesungguhnya agama yang diiktiraf di sisi Allah S.W.T. ialah Islam dan tidak berselisih faham golongan ahli kitab kecuali sesudah datang kepada mereka ilmu pengetahuan dan sesiapa yang mengingkari dengan tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T. maka sesungguhnya hari pembalasan adalah dekat".

Sementara surah al-Ankabut pula Allah memulakan dengan menyebut tentang iman dan fitnah serta tuntutan iman sebenar yang berkemampuan mengeluarkan tindakan luaran dan dalaman sebagai hasil dari keimanan yang sebenarnya di dalam jiwa. Iman bukan hanya ungkapan dari lidah tetapi ia merupakan satu kesabaran dalam menempuh segala kesusahan dan kepenatan untuk merealisasikan kalimat syahadat tersebut (Sayyid Quṭub. 1992: 5 / 2718). Keimanan merupakan pokok perbincangan utama di dalam surah ini, sebagaimana di dalam ayat 2 surah al-Ankabut seperti berikut :

*أَحَسِبَ النَّاسُ أَنَّمَا يُنَزَّكُونَ أَنْ يَقُولُوا أَمَّا وَهُمْ لَا يُفَتَّنُونَ .

Yang bermaksud :

" Adakah manusia menyangka bahawa mereka akan ditinggalkan dengan berkata mereka beriman sedangkan mereka tidak diuji".

Dan di dalam ayat 7 surah al-Ankabut seperti berikut:

* وَالَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَنُكَفِّرَنَّ عَنْهُمْ سَيِّئَاتِهِمْ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَخْسَانَهُمْ
الَّذِي كَانُوا يَعْلَمُونَ.

Yang bermaksud :

"Dan orang-orang yang melakukan amalan baik kami akan tutupi kesalahan mereka dan kami akan halas mereka dengan balasan yang lebih baik dari yang mereka lakukan".

Dalam surah al-Rum pula, Allah S.W.T . memulakan dengan menyebut tentang kekalahan bangsa Romawi di tangan bangsa Farsi dan kemenangan semula mereka ke atas bangsa Farsi yang secara langsung telah memberi kegembiraan kepada orang-orang mukmin. Ini kerana antara mereka mempunyai hubungan jiwa berdasarkan kepada agama yang bersumberkan daripada Allah S.W.T.(Ibn Kathir. 1991: 3 / 411). Kesemuanya berlaku melalui pertolongan Allah. Allah tidak pernah memungkiri janjinya. Ini menggambarkan tentang kebenaran al-Quran yang menceritakan tentang perkara-perkara yang akan berlaku, seperti yang terkandung di dalam ayat 2 surah al-Rum seperti berikut :

* غَلَبَتِ الرُّومُ

Yang bermaksud :

"Dikalahkan kerajaan Rom".

Dan di dalam ayat 6 surah al-Rum seperti berikut :

* وَعْدَ اللَّهِ لَا يَخْلُفُ اللَّهُ وَعْدُهُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ.

Yang bermaksud :

"Janji Allah , Allah S.W.T. tidak pernah memungkiri janjinya tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahuinya".

Surah Luqman Allah S.W.T. telah memulakan perbincangan tentang peranan al-Quran sebagai ayat-ayat Allah yang benar-benar menjadi petunjuk dan rahmat kepada orang-orang mukmin (Sayyid Qutub. 1992: 11/ 2781) yang benar-benar yakin dengan hari akhirat dan mempersembahkan diri hanya kepada Allah. Mereka lah golongan yang berada di atas petunjuk Allah dan mendapat kejayaan. Seterusnya Allah S.W.T. menjelaskan tentang segolongan manusia yang mempersendakan ayat-ayat Allah, mereka angkuh dan enggan mendengar ayat-ayat Allah lalu mereka disediakan dengan balasan azab yang pedih. Kemudian Allah menerangkan balasan yang disediakan kepada orang-orang mukmin yang melakukan amalan-amalan solih. Allah S.W.T. menjelaskan lagi bahawa segala kejadian di langit dan di bumi sebagai tanda kekuasaan Allah dan Allah maha mengetahui segala-galanya baik yang nyata mahupun tersembunyi (Ibn Asyur. 1980: 21 / 139), Sebagaimana yang terkandung di dalam ayat 2 surah Luqman seperti berikut :

*تِلْكَ آيَاتُ الْكِتَابِ الْكَرِيمِ .

Yang bermaksud :

" Itulah ayat-ayat kitab yang penuh hikmat ".

Dan dalam ayat 11 surah Luqman seperti berikut :

*هَذَا خَلْقُ اللَّهِ فَأَرْقَنِي مَاذَا خَلَقَ الَّذِي مِنْ دُونِهِ بَلِ الظَّالِمُونَ فِي صَلَلٍ مُّبِينٍ .

Yang bermaksud :

"Inilah ciptaan Allah S.W.T. dan perlihatkanlah kepada ku apa yang telah dicipta oleh selain Allah tetapi orang-orang yang zalim (bersalah) di dalam kesesatan yang jelas".

Untuk surah al-Sajdah pula, Allah S.W.T memulakan dengan menyatakan bahawa Baginda S.A.W. benar-benar Rasul dan menjelaskan kepada kaum musyrikin Mekah bahawa belum pernah diutuskan seorang rasul pun sebelum Baginda. Allah yang berkuasa mentadbir langit dan bumi serta segala isi kandungannya dengan paling sempurna. Allah juga menegaskan hari qiamat dan pembalasan adalah sesuatu yang benar-benar pasti akan terjadi dan wajib diimani sepenuhnya oleh hamba-hambanya (al-Zuhailiyy. 1991: 21/ 183 – 184), sebagaimana yang terkandung di dalam ayat 2 surah al-Sajdah seperti berikut :

*تَنْزِيلُ الْكِتَابِ لَا رَبِّ فِيهِ مِنْ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Yang bermaksud:

"Penurunan kitab yang tiada keraguan padanya daripada tuhan sekalian alam".

Dan di dalam ayat 11 surah al-Sajdah seperti berikut:

*قُلْ يَنَوْفَاكُمْ مَلَكُ الْمَوْتِ الَّذِي وُكَلَّا بِكُمْ ثُمَّ إِلَى رَبِّكُمْ تُرْجَعُونَ.

Yang bermaksud :

" Katakanlah malaikat maut yang mengambil nyawa mu kemudian kamu akan kembali kepada tuhan kamu".

Kalau dilihat kepada semua kandungan permulaan surah-surah di atas yang di dahului oleh huruf-huruf **ال** secara keseluruhannya membincangkan tentang ketuhanan Allah S.W.T . yang sebenarnya, kebenaran kenabian Baginda S.A.W.,

kebenaran risalah yang dibawa oleh Baginda serta kebenaran al-Quran sebagai perundangan agama yang satu yang hanya diiktiraf di sisi Allah S.W.T.

Dari perbincangan ini jelaslah bahawa kesemua isi kandungan permulaan surah-surah yang dimulai oleh huruf-huruf **م** ada wacana yang amat rapat dengan makna yang dimiliki oleh huruf **ل** iaitu yang unggul, tunggal dan satu, seperti yang telah diterangkan sebelum ini, dan Allah S.W.T adalah yang maha Esa yang terunggul kekuasaannya. Baginda S.A.W. pula merupakan rasul tunggal yang diutuskan di kalangan bangsa Arab dan risalah yang dibawa oleh Baginda ialah yang satu-satunya yang betul dan tepat. Islam serta al-Quran sebagai perundangannya juga hanya satu-satunya yang tepat dan di iktiraf di sisi Allah S.W.T. serta boleh menyelamatkan manusia di dalam kehidupan mereka di dunia maupun di akhirat.

Sementara huruf **ل** merupakan huruf konsonan di mana daerah artikulasinya ialah pada titik pertemuan antara hujung lidah dengan gusi atas. Sesuai dengan cara sebutan huruf ini iaitu dengan menyentuh hujung lidah ke gusi dan berada tetap pada gusi tanpa bergerak semasa proses sebutannya dan hanya melepaskan udara keluar melalui sisian sahaja, maka ia menunjukkan kepada makna bersentuh, bertemu, bersambung dan sesuatu perbuatan yang berdasarkan kepada sesuatu dasar atau peraturan. Huruf ini pula merupakan paparan awal bagi isi kandungan seterusnya dalam surah-surah yang didahului oleh huruf-huruf **م** berkenaan atau boleh dikatakan juga ia merupakan muqadimah kepada isi kandungan surah-surah berkenaan. Wacana di antara huruf **ل** dengan kandungan tengah-tengah surah-surah berkenaan amat jelas sekali dapat dilihat.

Di dalam surah al-Baqarah Allah S.W.T. telah menceritakan tentang persamaan yang wujud antara kaum Nabi Allah Musa A.S. dengan umat Nabi Muhammad S.A.W. dari segi nasab bermula dari Nabi Allah Ibrahim A.S. Allah juga telah menolak sangkaan buruk terhadap percanggahan kiblat antara dua umat ini. Persamaan antara kedua umat ini ialah mentauhidkan Allah S.W.T. Di samping itu Allah S.W.T. juga telah memerintahkan agar orang-orang mukmin supaya bersyukur terhadap nikmat Allah dan Allah juga telah mengharuskan segala rezeki yang halal dan mengharuskan juga makanan yang haram ketika dalam keadaan darurat. Allah S.W.T. juga telah menerangkan dasar-dasar perundangan kepada orang-orang mukmin yang meliputi aspek ibadat dan muamalat (al-Zuhailiyy. 1991: 1 / 69). Dalam surah ini juga mengandungi ayat yang paling masyhur tentang aqidah dan rahsia ketuhanan Allah S.W.T. iaitu ayat Kursi dan juga ayat-ayat yang merupakan amaran dengan cerita-cerita hari qiamat .

Di dalam surah Ali-Imran pula Allah S.W.T. telah menyebut tentang ibadat yang berkisar sekitar hukum-hukum berikut (al-Zuhailiyy. 1991: 3 / 141):

- 1) ibadat Hajji .
- 2) jihad fi sabillallah .
- 3) riba .
- 4) golongan yang tidak mahu mengeluarkan zakat.
- 5) pengajaran yang dapat diambil dari dua peperangan iaitu Badr dan Uhud.

Di dalam surah al-Ankabut pula Allah S.W.T. telah menceritakan mengenai situasi yang terpaksa dihadapi oleh para Rasul dan Nabi terdahulu dalam melaksanakan usaha dakwah ke jalan Allah. Allah S.W.T. menyatakan kekuatan kejahatan dapat dilemahkan oleh kebenaran dan petunjuk Ilahi. Seterusnya Allah

mengaitkan kesemua kebenaran yang ada pada dakwah para rasul dan nabi terdahulu dengan dakwah yang dibawa oleh Baginda S.A.W (Ibn Ḵayr. 1980: 20 / 201).

Dalam surah al-Rum pula Allah S.W.T. telah menceritakan tentang asal usul kejadian manusia yang mentauhidkan Allah S.W.T. Dia juga telah menggariskan di sini peraturan-peraturan penggunaan rezeki yang diberikan. Allah selanjutnya menyatakan bahawa segala bala yang berlaku di atas muka bumi ini adalah akibat dari perbuatan manusia itu sendiri. Sesiapa yang melakukan kebaikan maka kebaikan jugalah akan diterima akhirnya (al- Zuhailiyy. 1991: 21 / 44).

Di dalam surah Luqman Allah S.W.T. telah menceritakan tentang kejadian langit dan bumi yang dijadikan untuk manusia, namun kebanyakan di antara mereka tidak bersyukur dan ada di antara mereka yang membicarakan tentang ketuhanan Allah tanpa ilmu dan petunjuk yang sebenar. Seterusnya Allah menceritakan tentang pembalasan terhadap keimanan dan kekufuran di hari akhirat nanti. Allah S.W.T. juga membentangkan tentang kejadian alam yang ada kaitan langsung dengan manusia supaya manusia berfikir (al-Jazā'iriyy. 1993: 4 / 210).

Untuk isi kandungan surah al-Sajdah pula Allah S.W.T. menerangkan tentang Nabi Allah Musa A.S. serta risalah yang dibawa oleh Baginda merupakan risalah yang sama dibawa oleh Baginda S.A.W. Allah juga menceritakan tentang golongan yang mendapat hidayah dari umatnya dan kesabaran mereka di dalam usaha dakwah serta kejayaan yang mereka perolehi hasil dari kesabaran mereka, sehingga mereka diangkat oleh Allah sebagai barisan kepimpinan kepada umat Islam seluruhnya (al-Jazā'iriyy. 1993: 4 / 235).

Di dalam semua isi kandungan surah-surah di atas kita boleh lihat secara keseluruhannya menggambarkan tentang beberapa perkara seperti berikut:

- 1) persamaan yang wujud di antara Baginda S.A.W. dengan para rasul yang terdahulu dari segi risalah yang dibawa dan nasab keturunan serta cabaran-cabaran dan dugaan yang terpaksa dihadapi .
2. dasar-dasar perundangan hidup yang melibatkan aspek-aspek ibadat dan muamalat.
3. kejadian alam dan kaitannya dengan kekuasaan Allah S.W.T.
4. hubungkait perbuatan manusia dengan bala yang diturunkan oleh Allah ke atas muka bumi ini .

Apa yang jelasnya bila dianalisis kesemua empat-empat perkara tersebut di atas mempunyai wacana dan hubungkait yang amat rapat dengan huruf **ج**. Huruf **ج** yang kita telah lihat sebelum ini menunjukkan makna bersentuh, bertemu, bersambung dan satu-satu perbuatan yang dilakukan berdasarkan kepada sesuatu dasar yang tertentu. Hubungan dan pertemuan pada satu nasab dan satu dasar risalah antara Baginda S.A.W. dengan para rasul terdahulu, dasar-dasar perundangan kehidupan manusia dalam aspek-aspek ibadat dan muamalat, hubungan kejadian alam dengan kekuasaan Allah serta perkaitan antara perbuatan manusia dengan bala yang diturunkan oleh Allah, kesemuanya menepati makna huruf (**ج**) yang ada pada muqadimah surah-surah berkenaan.

Dari sini jelaslah kepada kita bahawa huruf ﴿﴾ yang digabungkan oleh Allah bersama tiga huruf lain iaitu ﴿﴾ dan ﴿﴾ merupakan gambaran awalan tentang apa yang akan disampaikan di tengah-tengah surah-surah berkenaan .

Huruf ﴿﴾ merupakan huruf Muqatta·ah yang terakhir dalam gabungan tiga huruf berkanaan yang diletakkan oleh Allah S.W.T. di permulaan surah-surah yang tersebut. Huruf ﴿﴾ seperti yang telah diterangkan dalam bab 2 menunjukkan kepada makna setiap perbuatan yang tidak memerlukan kepada pergerakan atau yang hanya melibatkan sedikit pergerakan sahaja seperti berfikir , bercakap , melihat dan sebagainya . Huruf ini merupakan gambaran awalan tentang isi penutup yang dicipta oleh Allah S.W.T. bagi mengakhiri surah-surah yang di mulai oleh huruf-huruf ﴿﴾ , ﴿﴾ dan ﴿﴾ . Wacana dan kesinambungan serta hubungkait di antara huruf ﴿﴾ ini dengan penutup surah-surah berkenaan amat rapat berlaku.

Untuk surah al-Baqarah Allah S.W.T. telah mengakhiri dengan menyebut tentang taubat dan pembersihan diri kepada Allah dan doa suci bagi meminta kemudahan, kelapangan, menghilangkan segala kesusahan dan pertolongan kemenangan ke atas orang-orang kafir daripada Allah S.W.T (al-Zuhailiyy. 1991: 1 / 70). Bagi surah Ali-Imran pula Allah mengakhiri dengan tuntutan supaya berfikir tentang kejadian langit dan bumi serta segala rahsia keajaiban yang ada pada kedua-duanya. Allah S.W.T. menasihatkan supaya bersabar di dalam melaksanakan tuntutan jihad ke jalan Allah (Said Hawa. 1985: 2 / 962 –963). Surah al-Ankabut Allah mengakhirinya dengan pujian kepada golongan mujahidin di jalan Allah serta menjanjikan ketenangan untuk mereka bersama petunjuk Allah dan menetapkan

mereka di atas petunjuk itu (Sayyid Quṭub. 1992: 20 / 2718). Seterusnya Allah telah mengakhiri surah al-Rom dengan cerita mengenai perihal orang-orang kafir apabila pintu hati mereka ditutup oleh Allah dari menerima kebenaran akibat kesombongan mereka (al-Zuhailiyy. 1991: 21 / 44 – 45). Surah Luqman Allah telah mengakhiri dengan cerita kemenangan yang akan diperolehi oleh orang-orang mukmin dan tentang kematian (al-Rifa'iyy. 1988: 3 / 461 – 463), sementara surah al-Sajdah Allah telah mengakhiri dengan perbincangan mengenai akhirat dan kematian (Ibn Atīyyat. 1993: 4 / 365 – 366).

Dari pemerhatian terhadap isi penutup surah-surah yang di dahului oleh huruf-huruf ﷺ tersebut ia jelas mempunyai hubungan yang amat rapat dengan huruf ﴿ iaitu hubungan pembukaan dengan isi terakhir atau penutup di dalam surah-surah berkenaan. Taubat sebagai isi terakhir surah al-Baqarah, tuntutan berfikir bagi surah Ali-Imran, bersabar di dalam al-Ankabut, tertutupnya pintu hati golongan musyrikin akibat kesombongan mereka di dalam surah al-Rom, kemenangan yang akan diperolehi orang-orang mukmin di dalam surah Luqman dan kematian di dalam surah al-Sajdah semuanya merupakan perbuatan atau peristiwa yang tidak melibatkan pergerakan zahir anggota tubuh badan manusia. Tentang tertutupnya pintu hati golongan musyrikin dan pembalasan nikmat kepada golongan mukmin merupakan penyempurnaan kepada kehidupan kedua-dua golongan tersebut . Kesemuanya menepati dengan makna yang dimiliki oleh huruf ﴿ seperti yang telah dijelaskan sebelum ini.

Dari sini jelaslah bahawa huruf-huruf ﷺ merupakan muqadimah atau pembukaan kepada surah-surah yang didahuluinya. Kesemua isi kandungan surah-surah berkenaan mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf-huruf tersebut. Huruf-huruf berkenaan merupakan paparan awalan yang digunakan oleh Allah S.W.T. terhadap apa yang akan disampaikan seterusnya oleh Allah S.W.T di dalam surah-surah tersebut.

Ini merupakan salah satu daripada keajaiban mukjizat al-Quran yang sememangnya tak mampu untuk dicipta oleh manusia mahupun makhluk lain. Satu kandungan surah yang dilambangkan di bawah tiga huruf sahaja, sebagaimana kandungan sebuah al-Quran termaktub di bawah satu surah al-Fatiyah

Secara keseluruhannya kesemua isi kandungan surah-surah yang didahului oleh huruf-huruf ﷺ boleh dirumuskan mempunyai tiga perbincangan pokok seperti berikut :

1. Perbincangan mengenai ketuhanan yang sebenarnya serta kebenaran al-Quran dan Baginda S.A.W. sebagai pembawa uburnya, dengan kata lain mengenai asas aqidah yang sebenarnya. Isi kandungan ini diletakkan oleh Allah S.W.T. di permulaan setiap surah yang didahului oleh huruf-huruf ﷺ. Dari segi kedudukan urutannya memang sama dengan kedudukan fizikal huruf ﷺ dalam kedudukan urutannya ketiga-ketiga huruf berkenaan.
2. Hubungkait Baginda S.A.W. dengan para rasul yang terdahulu dari segi nasab keturunan dan juga dari segi hubungan risalah yang dibawa. Isi kandungan ini telah diletakkan oleh Allah dalam kedudukan urutannya selepas isi kandungan pertama,

dengan kata lain ia berada di kedudukan tengah-tengah surah-surah yang didahului oleh huruf-huruf berkenaan sesuai dengan kedudukan fizikal huruf ﴿﴾ dari kedudukan urutan ketiga-tiga huruf tersebut .

3. Perintah Allah supaya berfikir dan juga tentang kematian yang Allah telah meletakkannya di akhir setiap surah yang didahului oleh huruf-huruf tersebut. Ia amat menepati dengan kedudukan huruf ﴿﴾ di kedudukan urutan terakhir daripada huruf-huruf ﴿﴾ itu .

3.3. Huruf-Huruf ﷺ Dan Hubungkait Dengan Kandungan Surah-Surah Yunus, Hud, Yusof, Ibrahim Dan Al-Hijr

Huruf-huruf ﷺ merupakan gabungan tiga huruf yang terdiri daripada huruf ﱂ, ﻚ dan ﻢ. Huruf ﱂ telah disentuh dengan agak luas sebelum ini. Huruf ﱂ di sini sama juga seperti yang telah dibincangkan sebelum ini mempunyai wacana dan kesinambungan serta hubungkait yang amat rapat dengan isi kandungan permulaan surah-surah yang didahuluinya.

Di dalam surah Yunus Allah S.W.T. telah memulakan dengan penjelasan mengenai kebenaran al-Quran serta hakikat sebenar ketuhanan dan perhambaan (Ibn Asyur. 1980: 12 / 78). Untuk surah Hud Allah S.W.T. telah memulakan dengan pujiyan terhadap al-Quran yang tidak berlaku padanya sebarang kecatatan atau kekurangan, di samping penjelasan mengenai unsur dakwah Islamiah iaitu mentauhidkan Allah S.W.T (al-Zuhailiyy. 1991: 12 / 7). Surah Yusoff Allah S.W.T. telah memulakan dengan penjelasan mengenai peranan al-Quran sebagai petunjuk kepada kebenaran yang hakiki (al-Qanūjiyy. 1992: 6 / 285 – 286). Sementara surah Ibrahim Allah telah memulakan dengan perbincangan mengenai asas aqidah iaitu keimanan kepada Allah, para rasul dan risalah-risalah yang dibawa oleh para rasul (al-Sa'diyy. 1988: 3 / 5 – 7). Bagi surah al-Hijr pula Allah S.W.T. menumpukan perbincangan di permulaannya mengenai aqidah Islam iaitu mentauhidkan Allah S.W.T (al-Zuhailiyy. 1991: 14 / 6).

Kalau kita perhatikan kesemua perbincangan mengenai ketuhanan sebenar Allah S.W.T. dan perhambaan yang sebenar, perbincangan mengenai keunggulan al-Quran dan asas aqidah serta asas utama risalah yang di bawa oleh para rasul

mempunyai kaitan dan wacana yang amat jelas dan jitu dengan huruf **ٰ**, di mana kesinambungan di antara keduanya wujud dari segi makna. Huruf **ٰ** yang telah diterangkan sebelum ini mempunyai makna yang satu, unggul dan tunggal. Allah merupakan tuhan yang sebenarnya yang maha Esa dan al-Quran pula sebuah kitab perundangan hidup yang paling unggul yang merupakan satu-satunya perundangan yang menyelamatkan kehidupan manusia di dunia mahupun di akhirat, sementara asas aqidah Islam dan risalah yang dibawa oleh para rasul hanya satu sahaja iaitu asas mentauhidkan Allah S.W.T. Kesemuanya menepati dengan makna yang dimiliki oleh huruf **ٰ**.

Huruf **ج** merupakan huruf konsonan yang telah dibincangkan secara khusus sebelum ini. Ia merupakan huruf yang bersifat sederhana tinggi sebutannya yang mempunyai makna bersentuh, bertemu, bersambung dan sesuatu perbuatan atau tingkah laku yang didasarkan kepada satu-satu dasar tertentu. Ia juga mempunyai wacana dan hubungan yang amat rapat dengan isi pertengahan surah-surah yang ia disebut di permulaannya.

Surah Yunus dipertengahannya membincangkan tentang kejadian alam ini dan hubungkait dengan kekuasaan Allah S.W.T. serta hubungan golongan pendusta dengan pembalasan yang akan diberikan oleh Allah di akhirat nanti (al-Zuhailiyy. 1991: 11 / 94 – 95). Di dalam surah Hud Allah telah menceritakan tentang kisah-kisah para rasul yang terdahulu serta cabaran yang mereka terpaksa hadapi dari tentangan yang dilakukan oleh kaum-kaum mereka serta peringatan dari kisah-kisah tentang pemusnahan Allah ke atas golongan yang zalim (Sayyid Qutub. 1992: 12 /

1841 – 1843). Di dalam surah Yusoff pula Allah telah menceritakan tentang kisah Nabi Allah Yusoff A.S. yang merangkumi penderitaan yang terpaksa dihadapi oleh baginda (al-Zuhailiyy. 1991: 12 / 189 – 190). Sementara di dalam surah Ibrahim, Allah telah menceritakan tentang kisah Nabi Allah Musa A.S. berhadapan kaum baginda dan kisah-kisah kaum yang mendustai para rasul yang diutuskan kepada mereka seperti kaum Ad dan Thamud (al- Zuhailiyy. 1991: 13 / 199). Akhirnya di dalam surah al-Hijr Allah telah mengisahkan tentang kisah Nabi Allah Nuh A.S., kisah Nabi Allah Adam A.S., Nabi Allah Lut A.S., Nabi Allah Soleh A.S, Nabi Allah Ibrahim A.S. dan Nabi Allah Syuaib A.S (Sayyid Qutub. 1992: 14 / 2123).

Secara keseluruhannya surah-surah yang disebut huruf-huruf ﴿ال﴾ di permulaannya mempunyai isi kandungan di tengah-tengah surah berkenaan membincangkan tentang kisah-kisah para rasul yang terdahulu, bagaimana mereka terpaksa menghadapi tindakan ancaman yang dilakukan oleh kaum-kaum mereka. Hal ini jelasnya mempunyai pertautan yang amat rapat dengan huruf ﴿ج﴾ dari segi makna iaitu wujud pertemuan suasana dan kerendah serta halangan yang terpaksa dihadapi oleh Baginda S.A.W dengan apa yang dihadapi oleh para rasul yang terdahulu kerana risalah yang dibawa oleh Baginda mempunyai pertalian persamaan dengan risalah yang dibawa oleh para rasul yang terdahulu. Di sini jelas kepada kita huruf ﴿ج﴾ merupakan paparan awalan terhadap apa yang akan disampaikan oleh Allah S.W.T. sebagai isi kandungan di tengah-tengah surah berkenaan.

Sementara huruf ﴿ج﴾ merupakan satu-satunya huruf getaran yang ada di dalam bahasa Arab. Sesuai dengan sifat yang dimiliki oleh huruf ini iaitu sifat getaran

dengan cara sebutannya ialah dengan menggerakkan lidah di dalam mulut secara berulang kali, maka ia menunjukkan kepada makna sesuatu perbuatan atau amalan yang berlaku secara berulangkali dan juga sesuatu perkara yang terjadi hasil daripada proses yang berterusan. Huruf ini mempunyai wacana dengan isi penutup surah-surah yang didahuluinya.

Dalam surah Yunus, Allah telah mengakhiri dengan mengajak golongan pendusta al-Quran supaya mencipta yang seumpama dengan al-Quran, dan Allah memerintahkan Baginda supaya membiarkan kehidupan mereka dengan cara mereka setelah dilaksanakan usaha dakwah ke atas mereka (Ibn Ḵayr. 1980: 12 / 80). Dalam surah Hud Allah telah mengakhirinya dengan penerangan mengenai hikmat disebut kisah-kisah para rasul terdahulu, sebagai pengajaran kepada Baginda untuk menetapkan pendirian Baginda dalam menghadapi ranjau sepanjang jalan penyebaran agama Allah (al-Qanūniyy. 1992: 6 / 277 – 278). Bagi surah Yusoff, Allah mengakhirinya dengan menerangkan tujuan Allah menceritakan kisah Nabi Yusoff A.S. di dalam surah ini (al-Zuhāriyy. 1991: 12 / 190). Seterusnya di dalam surah Ibrahim Allah telah mengakhirinya dengan menyebut tentang pembalasan yang akan diterima oleh golongan yang zalim di hari pembalasan nanti (al-Sa‘diyy. 1988: 3 / 26 – 27). Akhirnya Allah mengakhiri surah al-Hijr dengan mengingati Baginda supaya mengingati nikmat penurunan al-Quran dan meminta Baginda supaya bersabar dengan kerena golongan musyrikin (Sayyid Quṭub. 1992: 14 / 2124).

Secara keseluruhannya surah-surah yang disebut huruf-huruf الـ di permulaannya mempunyai isi penutup seperti berikut :

1. Ajakan dalam bentuk mempersendakan oleh Allah terhadap golongan yang mengingkari al-Quran supaya mereka mencipta sesuatu yang menyamai al-Quran .
2. Allah S.W.T menyebut kisah-kisah para rasul yang terdahulu sebagai peringatan dan pengajaran kepada Baginda S.A.W. serta para pengikut Baginda.
3. Allah telah meminta Baginda dan orang-orang mukmin supaya mengingati nikmat penurunan al-Quran dan supaya Baginda dan pengikutnya bersabar menghadapi keranah kaum Musyrikin.

Kesemuanya perkara tersebut mempunyai wacana yang amat rapat dengan huruf ﷺ yang bergabung dengan huruf-huruf ﴿ dan ﷽ di permulaan surah-surah berkenaan. Ajakan dalam bentuk persendaan oleh Allah kepada golongan yang mengingkari al-Quran supaya mencipta sesuatu yang boleh menyamai al-Quran merupakan ajakan yang berterusan bukan bersifat semasa. Ajakan ini berterusan sampai bila-bila. Begitu juga dengan hikmat Allah menceritakan kisah-kisah para rasul yang antaranya adalah supaya Baginda dan para pengikut Baginda dapat mengambil pengajaran dari kisah-kisah tersebut dengan bersabar menghadapi segala ujian dan dugaan di dalam penyebaran agama Allah S.W.T. Apa yang jelasnya di sini ialah sabar merupakan satu usaha yang mesti dilakukan secara berterusan, kerana jika tidak berterusan ia tidak dipanggil sebagai sabar.

Secara kesimpulannya huruf-huruf ﷺ merupakan muqadimah kepada surah-surah yang didahuluiinya. Makna-makna yang dimiliki oleh huruf-huruf tersebut yang lahir dari sifat-sifat, daerah artikulasinya dan cara sebutannya telah memaparkan secara ringkas tentang apa yang terkandung secara terperinci di dalam surah-surah yang berkenaan. Huruf ﴿ merupakan paparan awalan kepada apa yang

terkandung di dalam isi kandungan permulaan surah-surah berkenaan, sementara huruf ﴿ pula merupakan paparan awalan kepada apa yang terdapat di tengah-tengah surah-surah tersebut dan akhirnya huruf ﴿ pula merupakan persembahan permulaan terhadap apa yang terkandung di akhir surah-surah berkenaan. Secara analisisnya boleh dilihat kesemua surah-surah yang didahului oleh huruf-huruf ﴿ mempunyai isi kandungan secara asasnya dalam tiga perkara iaitu :

1. Ketuhanan yang sebenarnya serta kebenaran al-Quran yang membawa ubur ketuhanan tersebut. Perbincangan mengenai perkara ini diletakkan oleh Allah S.W.T di permulaan surah-surah yang didahului oleh huruf-huruf tersebut. Ini sesuai dengan kedudukan urutan huruf ﴿ dari dua huruf lagi iaitu ﴽ dan ﴾.
2. Kisah-kisah para rasul terdahulu yang ada kaitan secara langsungnya dengan Baginda S.A.W. dari segi dasar risalah yang dibawa dan juga nasab keturunan. Isi kandungan ini diletakkan oleh Allah S.W.T. sebagai perbincangan seterusnya selepas isi pertama di dalam surah-surah yang didahului oleh huruf-huruf berkenaan. Kedudukan isi kandungan ini juga sesuai dengan kedudukan fizikal huruf ﴽ iaitu ditengah-tengah antara dua huruf iaitu ﴿ dan ﴾.
3. Allah meminta supaya bersabar di dalam mengahadapi kerendah kaum musyrikin. Allah telah meletakkan isi kandungan ini di akhir setiap surah yang di dahului oleh ﴿. Ia amat menepati dengan kedudukan fizikal huruf ﴾ antara huruf-huruf tersebut.

3.4. Huruf-Huruf ح و Hubungkait Dengan Kandungan Surah-Surah Ghafir, Fussilat, Al-Zuhkruf, Al-Dukhan, Al-Jathiah Dan Al-Ahqaf.

Huruf-huruf ح merupakan gabungan dua huruf, yang merupakan huruf konsonan. Huruf ح merupakan huruf yang terbit dari daerah artikulasi kerongkong dan merupakan di antara huruf yang bersifat tinggi di dalam bahasa Arab. Sesuai dengan sifat huruf ini maka ia menunjukkan kepada makna sesuatu yang hidup, bergerak dan sesuatu perkara yang meninggalkan kesan ke dalam jiwa manusia. Huruf ini sememangnya mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan isi kandungan permulaan surah-surah yang didahuluinya.

Di dalam surah Ghafir Allah S.W.T. telah memulakan dengan persembahan dalam bentuk irama yang sememangnya boleh menarik perhatian manusia. Makna ayat yang digunakan oleh Allah juga dipengaruhi oleh rentak muzik yang dipersembahkan(Sayyid Quṭub. 1992: 14 / 3065) . Unsur ini dapat dilihat di dalam ayat 3 surah Ghafir seperti berikut :

غَافِرُ الذَّنْبِ وَقَابِلُ التَّوْبَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ذِي الطَّوْلِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ لِلَّهِ الْمَصِيرُ

Yang bermaksud :

“ Pengampun dosa, penerima taubat, keras hukuman,
banyak memberi, tiada Tuhan selain dia (Allah)
kepadanya tempat kembali ”.

Namun begitu surah ini secara keseluruhannya mengemukakan isu yang menyentuh hati dan perasaan manusia (Sayyid Quṭub. 1992: 14 / 3065) dengan mengemukakan gambaran qiamat dan kesusuhan mengharunginya, di samping gambaran Arasy Allah dengan sekelian malaikat mengelilinginya mendoakan

kemuliaan hamba-hambanya yang beriman, kerana ikatan keimanan yang mengikat antara mereka (al-Jazairiyy. 1993: 4 / 517). Kemudian Allah menceritakan tentang kisah Nabi Allah Musa A.S. menghadapi Firaun dan bala tenteranya (Syanqitiyy. 1992: 7 / 82 – 83).

Di dalam surah Fussilat pula Allah telah memulakan dengan cerita tentang penurunan al-Quran dan pendirian kaum musyrikin terhadapnya. Diikuti dengan cerita mengenai kejadian langit dan bumi, kemudian kisah kaum Ad dan Thamud serta penerangan suasana mereka yang menderhakai Allah di akhirat nanti, di mana kesemua anggota badan mereka akan bercakap bersaksi di hadapan Allah terhadap kelakuan sebenar tuannya semasa hidup di dunia. Allah mengemukakan tanda-tanda kekuasaan melalui kejadian langit dan bumi, malam dan siang, matahari dan bulan, malaikat dan manusia, bumi yang terhampar serta hidup dan mati (al-Sa'diyy. 1988: 4 / 285 – 392).

Di dalam surah al-Zukhruf Allah S.W.T. telah memulakan dengan cerita mengenai penurunan al-Quran dan martabat kedudukan al-Quran di sisi Allah S.W.T. Kemudian Allah memberi peringatan kepada umat Nabi Muhammad S.A.W. tentang kelupaan dan pembaziran mereka terhadap nikmat dunia (al-Marāghīyy. 1974: 25 / 117). Seterusnya Allah menceritakan tentang keadaan orang-orang musyrikin yang mendustai Baginda S.A.W. sedangkan mereka mengiktiraf bahawa Allah pencipta sekelian makhluk. Mereka menyembah berhala dan menganggap malaikat adalah anak-anak perempuan Allah (Mahmud Muhammad Hamzah. 1963: 25 / 52).

Di dalam surah al-Dukhan Allah S.W.T. juga telah memulakan dengan cerita mengenai penurunan dan peranan al-Quran. Kemudian Allah menggambarkan tentang suasana umat Nabi Muhammad S.A.W.. Seterusnya Allah mengaitkan tentang hari akhirat dengan hikmat Allah menjadikan langit dan bumi (Ibn Āṣyūr. 1980: 25 / 276).

Di dalam surah al-Jathiah Allah S.W.T. telah memulakan dengan cerita tentang penurunan al-Quran serta mengemukakan tanda-tanda kekuasaan Allah yang boleh meyentuh perasaan dan hati. Kemudian Allah memberi peringatan dan amaran kepada golongan yang mengingkari ayat-ayat Allah dan enggan mendengarnya (al-Zuhailiyy. 1991: 25 / 247). Seterusnya Allah memerintahkan Baginda supaya tidak melayani kerena kaum musyrikin dan Allah menerangkan suasana yang mereka akan hadapi di hari akhirat nanti (Sayyid Qutub. 1992: 25 / 3219).

Untuk surah al-Ahqaf Allah telah mendahului perbincangan mengenai penurunan al-Quran dan diikuti dengan perbincangan tentang kekuasaan Allah S.W.T. serta diteruskan lagi dengan pembentangan mengenai aqidah dengan cerita mengenai penentangan kaum musyrikin terhadap kenabian Baginda Muhammad S.A.W. dan diikuti dengan kisah golongan yang tetap pendirian mentauhidkan Allah dan membenarkan kerasulan Baginda S.A.W (al-Zuhailiyy. 1991: 26 / 6).

Secara keseluruhannya surah-surah yang disebut di permulaannya huruf-
huruf ﷺ mempunyai permulaan perbincangan mengenai perkara berikut :

- 1) penurunan al-Quran dan kedudukan martabat al-Quran di sisi Allah S.W.T.
- 2) gambaran mengenai kekuasaan Allah S.W.T mencipta segala-galanya di langit
dan di bumi .

Kedua-dua perkara ini mempunyai wacana dan hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﺰ, kerana huruf ini sebagaimana yang telah disentuh secara terperinci sebelum ini ia menunjukkan kepada makna sesuatu yang hidup, bergerak, sesuatu perkara atau peristiwa yang meninggalkan kesan ke dalam jiwa manusia. Proses penurunan al-Quran merupakan proses yang memerlukan kepada pergerakan dan al-Quran merupakan kitab atau buku perundangan yang mampu menghidupkan jiwa-jiwa manusia. Sementara segala gambaran yang dikemukakan bagi menunjukkan kekuasaan Allah S.W.T. seperti gambaran tentang qiamat dan arasy Allah merupakan satu unsur yang boleh meninggalkan kesan kepada jiwa dan perasaan manusia. Kesemua isi kandungan ini menepati dengan makna yang dimiliki oleh huruf ﺰ.

Huruf ﻢ pula merupakan huruf sengauan yang menunjukkan kepada makna setiap perbuatan yang tidak memerlukan kepada pergerakan kasar anggota tubuh atau perbuatan yang hanya memerlukan kepada pergerakan setempat sahaja seperti yang telah diterangkan sebelum ini. Huruf ini juga menunjukkan kepada makna peyempurnaan dan kesudahan sesuatu peristiwa atau perkara. Huruf ini mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan kandungan akhir surah-surah yang didahuluinya.

Di dalam surah Ghafir Allah S.W.T. telah mengakhirinya dengan meminta Baginda S.A.W. supaya bersabar di dalam menghadapi segala rintangan dari perlaksanaan tanggungjawab penyebaran agama Allah (Ibn Āsyūr, 1980: 24 / 78). Untuk surah Fussilat Allah mengakhiri dengan menjanjikan akan membentangkan tanda-tanda kekuasaannya secara zahir melalui pandangan mata dan juga secara

pemerhatian melalui pandangan mata hati dan perasaan (Ibn Ḥāfiẓ, 1980: 24 / 229). Untuk surah al-Zukhruf pula Allah telah mengakhiri dengan menyatakan gambaran nikmat syurga untuk golongan mukmin sebagai balasan keimanan mereka dan gambaran sengsara hari qiamat serta azab api neraka sebagai balasan untuk golongan penghuni neraka sebagai natijah dari kekufuran mereka (al-Zuhailiyy, 1991: 25 / 114).

Surah al-Dukhan Allah telah mengakhiri dengan menyifatkan tentang nikmat yang dimiliki oleh orang-orang muttaqin dan azab untuk golongan kuffar (al-Zuhailiyy, 1991: 25 / 204). Di dalam surah al-Jathiah Allah telah mengakhiri dengan pujian Allah ke atasnya serta menentukan kehebatan, keangkuhan dan kemuliaan hanya baginya (Sayyid Quṭub, 1992: 25 / 3221). Akhirnya di dalam surah al-Ahqaf Allah mengakhiri dengan meminta supaya Baginda S.A.W. bersabar menghadapi kerena musuh-musuh Allah, dan Allah menyatakan bahawa azab ke atas mereka tidak datang dengan segera(Sayyid Quṭub, 1992: 26 / 3254).

Secara keseluruhannya surah-surah yang dimulakan oleh huruf-huruf ﷺ diakhiri dengan perkara-perkara seperti berikut :

- 1.Allah meminta supaya Baginda bersabar menghadapi apa jua rintangan dalam perjuangan menegakkan agama Allah .
- 2.pernyataan kesudahan yang dihadapi oleh orang-orang kafir.
- 3.pernyataan kesudahan yang akan dinikmati oleh orang mukmin.

Secara analisisnya kesemua perkara-perkara di atas mempunyai hubungkait dan wacana yang amat jelas dengan huruf ﷺ. Bersabar bukan merupakan perbuatan yang melibatkan pergerakan anggota tubuh badan, ia merupakan perbuatan hati.

Kesudahan yang akan dihadapi oleh kedua-dua golongan manusia iaitu mukmin dan kafir merupakan penyempurnaan dan kesudahan daripada apa yang mereka telah lakukan. Dari sini jelaslah bahawa huruf ﴿ ﴾ mempunyai hubungkait serta wacana yang amat jelas dengan kandungan akhir surah-surah yang dimuqadimahkannya.

Isi kandungan di bahagian tengah bagi semua surah yang didahului oleh huruf-huruf ﴿ ﴾ secara keseluruhannya membincangkan tentang kekuasaan Allah S.W.T. Hal ini ada kaitan langsung dengan huruf ﴿ ﴾ , ini kerana perbincangan mengenai kekuasaan Allah sudah pasti menjuruskan kepada hati manusia. Dan kesemua perbincangan itu bertujuan untuk menarik perhatian hati-hati manusia supaya berfikir dan boleh menerima hakikat sebenar ketuhanan Allah S.W.T. dan menafikan yang lain selain daripada Allah .

Dari sini jelaslah bahawa huruf-huruf ﴿ ﴾ merupakan muqadimah kepada surah-surah yang didahuluinya. Ini kerana kesemua perbincangan di dalam surah-surah berkenaan mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf-huruf tersebut dari segi makna.

3.5. Huruf-Huruf Muqattaah Di Awal Surah-Surah Al-A'raf, Al-Ra'du, Maryam, Al-Syura, Taha, Al-Syuara', Al-Qasas, Al-Naml, Yasin, Sad, Qaf Dan Al-Qalam Serta Hubungkait Huruf-Huruf Berkenaan Dengan Kandungan Surah .

3.5.1. Huruf-Huruf المص و Hubungkait Dengan Kandungan Surah Al-A'Raf.

الْمَص merupakan gabungan empat huruf yang diletakkan oleh Allah S.W.T di permulaan surah al-A'raf. Huruf-huruf berkenaan ialah huruf أَلْ مَص .

Gabungan keempat-empat huruf ini walaupun tidak membentuk satu perkataan yang sempurna maknanya, namun berdasarkan kepada makna-makna yang dimiliki setiap huruf tersebut sudah memadai untuk meletakkannya di permulaan surah sebagai muqadimah kepada surah berkenaan. Ia merupakan salah satu keistimewaan terunggul yang terdapat di dalam bahasa al-Quran yang merupakan kata-kata Allah sendiri .

Huruf ل sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini merupakan huruf konsonan. Ia menunjukkan kepada makna sesuatu yang unggul, tunggal dan satu.

Huruf ج juga telah disentuh secara agak terperinci sebelum ini, dimana ia menunjukkan kepada makna bersentuh, bertemu, bersambung dan sebarang perbuatan yang berdasarkan kepada sesuatu dasar atau peraturan yang telah ditetapkan.

Huruf ﴿ pula menunjukkan kepada makna sesuatu yang tetap dan tidak ada apa-apa pergerakan atau perbuatan yang hanya memerlukan kepada pergerakan setempat sahaja dan menunjukkan kepada makna selesai, sempurna dan tutup, sesuai dengan sifat huruf ini iaitu lembut dan tidak mempunyai pergerakan besar pada anggota percakapan semasa menyebutnya .

﴾ merupakan huruf geseran yang daerah artikulasinya ialah di bahagian gusi di mana anggota percakapan yang terlibat ialah hujung lidah dan gusi. Ia merupakan salah satu huruf kuat. Sesuai dengan sifat yang dimiliki oleh huruf ini maka ia menunjukkan kepada makna sesuatu yang kuat, keras dan bertenaga. Ia juga menunjukkan kepada makna suara yang kuat serta untuk perbuatan yang mempunyai pergerakan yang kuat dan bertenaga .

Demikianlah sifat-sifat serta makna-makna yang ada pada huruf-huruf tersebut. Sebelum perbincangan mengenai hubungkait huruf-huruf berkenaan dengan kandungan surah al-A'raf ini diteruskan, satu pendedahan terhadap isi kandungan surah ini amat perlu dibuat, supaya kita dapat melihat dengan lebih jelas dan lebih dekat lagi hubungkait atau wacana yang ada di antara kedua-duanya.

Di dalam surah al-A'raf ini Allah S.W.T. telah memulakan isi kandungannya dengan menyatakan bahawa al-Quran merupakan satu-satunya kitab benar yang bertindak sebagai pedoman kepada orang-orang mukmin. Allah S.W.T. telah memerintahkan Baginda S.A.W. dan umat Islam mengikuti pendoman ini (al-Jazāiriyy. 1993: 2 / 151). Kemudian Allah telah menerangkan kekuasaannya menjadikan dan mencipta segala keperluan manusia di atas muka bumi ini. Allah

juga telah menyatakan di sini tentang pembalasan yang akan dihadapi oleh golongan yang tidak mensyukuri nikmat Allah. Seterusnya Allah menceritakan tentang hakikat sebenar ketuhanan Allah S.W.T. yang berkuasa menjadikan segala-galanya (Ibn Asyūr. 1980: 8 / 8).

Sebagai kandungan surah seterusnya Allah telah mengemukakan kisah-kisah Nabi Allah Nuh, Hud, Saleh dan Nabi Allah Syuaib (al- Jazāiriyy. 1993: 2 / 187). Dari kisah-kisah tersebut dapat disimpulkan bahawa kesemua para rasul menyampaikan kepada kaum mereka dengan satu kata-kata sebagaimana yang terkandung di dalam ayat 76 surah al-Aaraf iaitu :

يَا قَوْمٌ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ .

Yang bermaksud :

“ Wahai kaumku sembahlah Allah , tiada tuhan bagi kami selain daripadanya (Allah) ”.

Allah juga telah mengemukakan kisah Nabi Allah Musa A.S. menghadapi Firaun laknatullah alaih dan kaum Baginda iaitu Bani Israel (al-Zuhailiyy. 1991: 8 / 135). Allah juga telah menceritakan tentang hari qiamat dan kejadian alam ini, supaya manusia dapat memerhati dan berfikir terhadap kerasulan Nabi Muhammad S.A.W. serta risalah yang dibawa oleh Baginda (al-Zuhailiyy. 1991: 8 / 134 – 135). Allah telah mengakhiri surah ini dengan memerintahkan Rasulullah S.A.W. dan orang-orang mukmin supaya melapangkan dada dan meneruskan usaha dakwah ke jalan Allah. Dan Allah mengingatkan mereka terhadap hasutan syaitan, untuk mengelak diri dari digoda oleh syaitan ialah dengan mendekatkan diri kepada Allah,

sentiasa berzikir kepada Allah secara senyap ataupun secara kuat dan sentiasa melakukan ibadat kepada Allah (Ibn Āsyūr, 1980: 8 / 9).

Dari perbincangan mengenai makna-makna yang dimiliki oleh kempat-empat huruf **الْمَصْ** serta perbincangan mengenai isi kandungan surah ini didapati bahawa isi kandungan pertama surah ini ada hubungkait atau wacana yang amat rapat dengan huruf **ا**. Al-Quran merupakan satu-satunya kitab yang tepat yang mampu menyelamatkan manusia dari kehidupan dunia mahupun akhirat. Ia merupakan kitab yang paling unggul yang ada di atas dunia ini. Huruf **ا** juga mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan isi kandungan mengenai kekuasaan yang mengaitkan dengan asas aqidah iaitu mentauhidkan Allah S.W.T. Allah merupakan tuhan yang maha Esa. Ini amat tepat dengan makna yang dimiliki oleh huruf **ا** sebagaimana yang telah diterangkan di permulaan tajuk ini.

Pada isi kandungan surah yang seterusnya iaitu mengenai kisah-kisah para nabi terdahulu, mengenai asas dakwah mereka iaitu mentauhidkan Allah S.W.T. Apa yang penting di sini ialah persamaan dan pertemuan pada asas serta dasar yang sama di antara usaha-usaha dakwah. Hal ini ada hubungkait yang amat rapat dengan huruf **ع** yang mempunyai makna bertemu, bersentuh, bersambung dan segala perbuatan yang berdasarkan kepada satu-satu dasar tertentu. Di mana usaha dakwah yang mereka laksanakan sama dari segi dasar dan perlaksanaan dengan apa yang dilaksanakan oleh Baginda Rasulullah S.A.W.

Isi kandungan mengenai kejadian alam ini pula mempunyai wacana yang amat jitu dengan huruf ﴿ kerana Allah menceritakan tentang alam supaya manusia berfikir, dan berfikir pula merupakan perbuatan yang tidak memerlukan kepada apa-apa pergerakan anggota tubuh badan. Makna huruf ﴿ pula menunjukkan kepada setiap perbuatan yang tidak melibatkan pergerakan atau hanya melibatkan pergerakan kecil sahaja .

Allah mengakhiri surah ini dengan menerangkan kepada Baginda S.A.W. bagaimana cara untuk berhadapan dengan kaum Baginda, bagaimana hendak melaksanakan usaha dakwah, bagaimana hendak berhadapan dengan kesusahan di jalan-jalan dakwah Baginda. Bagi melakukan semua ini sudah pasti Baginda memerlukan kepada kekuatan dalaman, kekuatan fizikal serta kekuatan di dalam ucapan. Hal ini semua ada kaitan yang amat rapat dengan huruf ص kerana ia mempunyai makna yang menunjukkan kepada sesuatu yang kuat, keras, bertenaga dan juga suara yang kuat.

Dari analisis di atas jelaslah kepada kita bahawa huruf-huruf المص yang merupakan muqadimah kepada surah ini adalah gambaran permulaan yang digunakan oleh Allah S.W.T. untuk menyatakan tentang apa yang akan disampaikan di dalam surah ini sebagai isi kandungan surah secara keseluruhannya.

3.5.2. Huruf-Huruf المر Dan Hubungkait Dengan Kandungan Surah Al-Ra'du.

مر merupakan gabungan empat huruf yang terdiri daripada huruf ر ل م ح.

Walaupun ia seolah-olah satu perkataan lengkap di dalam bahasa Arab kerana ia sudah bergabung lebih dari dua huruf, namun ia masih belum cukup syarat untuk menjadi satu perkataan kerana ia tidak menunjukkan kepada satu makna khusus yang boleh difahami secara ringkas dan cepat.

Huruf ر sebagaimana yang telah kita lihat di banyak tempat sebelum ini menunjukkan sesuatu yang unggul, tunggal dan satu. Sementara huruf ح pula menunjukkan makna bersentuh, bertemu, bersambung dan sesuatu perbuatan yang berdasarkan kepada sesuatu dasar tertentu. Huruf م pula menunjukkan sebarang perbuatan yang tidak memerlukan kepada sebarang pergerakan kasar anggota badan atau yang hanya melibatkan pergerakan sedikit atau pergerakan setempat sahaja. Akhirnya huruf ل menunjukkan setiap sesuatu perkara yang terjadi hasil dari proses yang berterusan, sebarang perbuatan yang berlaku secara berterusan dan berlanjutan.

Demikian makna-makna yang dimiliki oleh setiap huruf-huruf yang empat tersebut di atas. Sebelum perbincangan mengenai hubungkait huruf-huruf tersebut dengan isi kandungan surah ini diteruskan dengan lebih lanjut lagi amat perlu dibincangkan dahulu tentang isi kandungan surah al-Ra'du ini, dari isi pertama sehingga kepada penutup. Supaya di sana akan dapat dipaparkan dengan lebih jelas lagi hubungkait atau wacana yang wujud.

Di dalam surah al-Ra'du Allah S.W.T. telah memulakan dengan isi pertamanya mengenai aqidah. Ia meliputi kepercayaan serta keyakinan terhadap al-Quran yang merupakan sebahagian daripada mentauhidkan Allah dan sebahagian daripada kepercayaan terhadap hari kebangkitan semula di akhirat nanti serta sebahagian daripada amalan soleh yang diamalkan semasa hidup di dunia ini

(Sayyid Quṭub. 1992: 13 / 2043)

Kemudian Allah meneruskan lagi isi surah ini dengan mengemukakan tanda-tanda kekuasaannya, keajaiban kejadian alam yang secara langsung menunjukkan kepada kekuasaan Allah, ilmu Allah dan pentadbiran Allah S.W.T (al-Jazāiriy. 1993: 3 / 7 – 8). Allah telah menyatakan bahawa dia maha mengetahui segala apa yang dilakukan oleh manusia sama ada secara terangan maupun tersembunyi . Allah juga telah menyatakan tidak akan merubah nasib satu-satu kaum sehingga halal kaum itu sendiri merubah apa yang ada pada diri mereka. Allah juga berkuasa menimpakan apa-apa keburukan ke atas satu-satu kaum tanpa sebarang rintangan yang boleh menghalang (al-Jazāiriy. 1993: 3 / 13 – 14).

Di dalam surah ini Allah juga telah mengemukakan sesuatu yang boleh menyentuh perasaan manusia, iaitu tentang kejadian-kejadian guruh, petir, awan, hujan, langit, bumi, matahari, bulan, siang, malam, tanam-tanaman, buah-buahan yang bermacam-macam, sungai yang mengalir dan kejadian para malaikat, kesemuanya untuk menfaat kehidupan manusia (Sayyid Quṭub. 1992: 13 / 2040).

Allah juga telah menceritakan tentang tabiat iman dan tabiat kufur. Iman dapat dicapai melalui ilmu sementara kufur lahir dari sifat buta hati. Allah seterusnya menceritakan tentang balasan yang sedang menunggu orang-orang yang

beriman yang penuh dengan segala nikmat dan rahmat. Begitu juga pembalasan yang sentiasa menanti golongan kuffar yang penuh dengan segala penderitaan, kepenatan dan kesakitan (al-Zuhailiyy. 1991: 13 / 97 – 98).

Seterusnya Allah mengemukakan mengenai syirik dan kemudiannya disambung dengan tauhid dan pendirian ahli kitab terhadap al-Quran dan Baginda S.A.W. Allah telah mengakhiri surah ini dengan menyatakan suasana sengsara dan penuh azab sebagai natijah kepada kehidupan golongan kuffar dan musyrikin (al-Jazāiriyy. 1993: 3 / 37).

Hasil dari pembentangan terhadap makna huruf-huruf **المر** dan isi kandungan surah al-Ra'du ini di dapati bahawa kedua-duanya mempunyai wacana dan hubungkait yang amat rapat. Isi kandungan pertama mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf **ل**, perbincangan mengenai aqidah dan al-Quran sudah pasti mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan makna yang ditunjukkan oleh huruf **ل**. Al-Quran satu-satunya kitab yang paling unggul di dunia ini. Aqidah pula adalah mentauhidkan Allah. Kesemuanya dengan makna yang satu, unggul dan tunggal. Ini amat tepat dengan makna yang ditunjukkan oleh huruf **ل**.

Kandungan surah seterusnya mengenai kejadian alam, perbuatan manusia sama ada dengan terang-terangan mahupun tersembunyi, perubahan nasib satu-satu kaum dan segala bala atau kesusahan ke atas satu-satu kaum, semuanya bersambung dengan kekuasaan Allah S.W.T. Keadaan ini semamangnya wujud kesinambungan atau hubungkait yang amat rapat dengan huruf **ل** yang menunjukkan makna bersambung. Begitu juga dengan isi kandungan mengenai perkara-perkara serta satu

proses yang ada di dunia ini seperti langit guruh, petir, langit, bumi dan sebagainya juga bersambung terus dengan kekuasaan Allah dan dengan sendirinya mempunyai wacana yang jitu dengan huruf ﴿ di permulaan surah .

Penerangan Allah mengenai tabiat iman serta kufur dan cara pemerolehan kedua-duanya iaitu iman melalui ilmu sementara kufur lahir dari sifat buta hati mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﴿ . Kedua-dua pemerolehan melalui ilmu dan juga hasil dari buta hati merupakan dua proses dalam diri manusia (tindakan dan usaha) yang tidak melibatkan pergerakan kasar anggota badan .

Isi kandungan seterusnya mengenai syirik dan tauhid dan pendirian ahli kitab terhadap al-Quran dan Baginda S.A.W. Tauhid dan syirik serta pendirian terhadap al-Quran dan Baginda S.A.W. merupakan tiga perkara yang memerlukan kepada proses yang berterusan. Semua ini ada hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﴿ di permulaan surah ini, kerana huruf tersebut memiliki makna setiap perbuatan atau sesuatu perkara yang wujud hasil dari proses yang berterusan. Begitu juga dengan isi kandungan terakhir surah ini, iaitu suasana penderitaan dan kesusahan hidup di akhirat nanti sebagai natijah dari kekufuran mereka, kerana suasana yang mereka terpaksa alami adalah suasana yang berterusan yang tiada hentinya sepanjang masa dan zaman di akhirat nanti.

Dari perbincangan ini jelas kepada kita bahawa huruf-huruf ﴿ merupakan muqadimah kepada surah al-Ra'du ini. Di mana huruf ﴿ merupakan paparan awalan terhadap apa yang Allah sampaikan seterusnya sebagai isi

kandungan permulaan surah ini, sementara huruf ﴿ dan ﴾ merupakan paparan awalan terhadap apa yang disampaikan atau dipersembahkan oleh Allah S.W.T di tengah-tengah surah ini. Akhirnya huruf ﴿ merupakan paparan awalan Allah S.W.T terhadap apa yang Allah S.W.T. kemukakan di penutup surah ini. Secara jelasnya keempat-empat huruf ini merupakan muqadimah kepada surah ini dan ia sememangnya bertindak sebagai paparan awalan Allah terhadap apa yang Allah S.W.T. kemukakan sebagai isi kandungan keseluruhan surah ini .

3.5.3. Huruf-Huruf كهيعص Dan Hubungkait Dengan Isi Kandungan Surah Maryam.

kehيعص merupakan gabungan lima huruf yang terdiri daripada huruf-huruf كهيعص la sama juga dengan المص المركب المركب bukan satu perkataan walaupun nampak seperti satu perkataan, kerana ia tidak dapat memberikan satu makna khusus yang sempurna .

Huruf ك merupakan huruf sederhana kuat dan sederhana tinggi sifatnya dengan daerah artikulasinya di lelangit lembut dan ia terbentuk hasil daripada pertemuan pangkal lidah dengan lelangit lembut. Sesuai dengan sifat dan daerah artikulasi yang mudah maka ia memiliki makna pergerakan yang lembut dan perlahan yang hanya melibatkan pergerakan di atas muka bumi sahaja .

Huruf ه pula juga merupakan huruf yang bersifat sederhana tinggi. Huruf ini menunjukkan kepada makna sesuatu yang tidak mempunyai pergerakan yang kuat, sesuatu yang rosak dan tidak berkemampuan. Semenanjung huruf و pula merupakan huruf sederhana tinggi sifatnya menunjukkan kepada makna kehidupan baru , atau disandarkan kepada sesuatu yang hidup atau menghidupkan atau sesuatu yang kembali .

Huruf ع pula mempunyai daerah artikulasi kerongkong, ia terbentuk di daerah artikulasi yang agak dalam, proses penuturnannya agak susah maka ia menunjukkan kepada makna sesuatu halangan, sesuatu yang jauh dan susah untuk dicapai.

ku merupakan di antara huruf kuat dan menunjukkan kepada makna sebarang perkara yang kuat, keras, bertenaga, suara yang kuat dan sebarang perbuatan yang mempunyai pergerakan yang kuat.

Untuk menganalisis tentang hubungkait dan wacana yang wujud di antara huruf-huruf tersebut dengan isi kandungan surah Maryam ini amat perlu dikemukakan di sini tentang isi kandungan bagi surah ini.

Surah Maryam ini Allah telah memulakan dengan kisah hidup Nabi Allah Zakaria dan Yahya serta kisah hidup Siti Maryam dengan Nabi Allah Isa. Dalam surah ini Allah telah memfokuskan penerangan kepada kisah Nabi Allah Isa. Allah S.W.T telah membawa banyak dialog antara Baginda bersama bonda Baginda Siti Maryam serta dialog Baginda bersama kaum Baginda termasuk juga dialog antara bonda Baginda bersama kaumnya. Allah juga telah menceritakan mengenai perpecahan kaum Baginda kepada puak Yahudi dan puak Nasrani (Sayyid Qutub, 1992: 16 / 2301).

Surah ini diteruskan lagi oleh Allah S.W.T dengan kisah Nabi Allah Ibrahim bersama ayahanda Baginda dan kaum Baginda. Di sini juga Allah telah menyatakan tentang pengecualian Nabi Allah Ibrahim dari terlibat dengan unsur-unsur mensyirikkan Allah S.W.T. Kemudiannya Allah menceritakan kisah-kisah para nabi yang terdahulu bersama-sama pengikut mereka dan penentang yang sentiasa menentang mereka. Pembentangan mengenai kisah para nabi ini diakhiri dengan kenyataan bahawa Allah adalah ketuhanan yang sebenarnya iaitu yang satu yang disembah tanpa sebarang penyengutuan (al-Zuhailivv, 1991: 16 / 47 – 48)

Seterusnya Allah mengemukakan pula perbincangan mengenai hari kebangkitan semula. Allah telah membentangkan gambaran tentang hari qiamat. Kemudiannya Allah membentangkan tentang gambaran sebenarnya kejadian alam ini, yang secara langsungnya bertujuan menolak unsur-unsur syirik terhadap Allah S.W.T. Allah telah mengakhiri surah ini dengan gambaran apa yang dihadapi oleh Qarun hasil dari kesombongan dan keangkuhaninya menerima perintah Allah S.W.T (Sayyid Quṭub. 1992: 16 / 2301).

Kalau kita analisis makna-makna yang dimiliki oleh huruf-huruf ﷺ dan isi kandungan surah Maryam ini, maka kita akan dapati bahawa di antara huruf-huruf tersebut dengan isi kandungan surah ini wujud satu wacana atau hubungkait yang amat rapat. Kesemua isi kandungan yang dibentangkan oleh Allah di dalam surah ini sudah terumus di dalam huruf-huruf tersebut. Ini merupakan salah satu kehebatan ayat-ayat Allah yang sememangnya tiada seorang manusia atau makhluk lain yang mampu mencipta hasil yang seumpama ini .

Di dalam kandungan pertama surah ini Allah telah mengemukakan kisah-kisah kehidupan Nabi Zakaria dan Yahya serta kisah Siti Maryam Dan Nabi Isa yang terkandung di dalamnya banyak dialog. Kehidupan para nabi dan wali Allah sememangnya dipenuhi dengan kelembutan, kerana sudah sikap semulajadi mereka tidak gopoh, tidak memberontak, tidak terburu-buru dan tidak bersifat kasar. Hal ini ada hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﷺ yang menunjukkan kepada makna pergerakan yang lembut. Sementara perpecahan kaum Nabi Allah Isa kepada dua puak iaitu Yahudi dan Nasrani juga ada hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﷺ

kerana perpecahan merupakan fenomena yang berlaku hasil dari hati dan pemikiran.

Isi kandungan seterusnya mengenai kisah Nabi Allah Ibrahim bersama ayahnya Baginda. Isi penting di sini ialah unsur syirik tidak mampu menguasai Nabi Allah Ibrahim. Ini bermakna betapa lemahnya unsur tersebut berbanding unsur tauhid. Begitu juga dengan kisah-kisah para nabi yang terdahulu bersama pengikut mereka berhadapan dengan penentang-penentang yang menyengutukan Allah. Walaupun penentang-penentang terdiri daripada golongan yang kuat tenaga dan kelengkapan serta bilangan namun unsur syirik mereka tak mampu sedikit pun melemahkan unsur tauhid yang ada pada jiwa-jiwa para nabi dan pengikut mereka. Apa yang penting di dalam isi kandungan ini ialah kelamahan unsur syirik berbanding dengan unsur tauhid. Hal ini ada kaitan atau hubungkait yang amat rapat dengan huruf **و** yang menunjukkan kepada makna sesuatu yang tidak mempunyai pergerakan kasar, sesuatu yang rosak dan tidak berkemampuan, di sini ia merujuk kepada kelemahan unsur syirik berhadapan dengan unsur tauhid.

Isi kandungan selanjutnya mengenai hari kebangkitan semula ada hubungkait yang amat erat dengan huruf **و** yang menunjukkan kepada makna kehidupan baru. Ini kerana hari kebangkitan semula berlaku selepas qiamat. Ia merupakan kehidupan, kembali sesudah mati untuk manusia menerima pembalasan daripada apa yang telah mereka lakukan semasa hidup di dunia ini. Di sana manusia akan dihidupkan kembali dengan penghidupan baru yang jauh berbeza dari kehidupan dunia ini. Semua manusia akan menghadapi kehidupan baru secara terpaksa di sana nanti.

Allah juga telah mengemukakan tentang gambaran sebenar kejadian alam ini, untuk menolak atau menghalang unsur-unsur syirik. Kandungan ini mempunyai wacana yang amat erat dengan huruf ﴿ ظ﴾ yang menunjukkan kepada makna halangan atau sesuatu yang jauh dan susah untuk dicapai. Wacana ini wujud kerana penjelasan mengenai hakikat kejadian alam merupakan halangan kepada syirik sementara untuk menghilangkan syirik yang sudah bertapak di hati sanubari manusia merupakan sesuatu yang susah .

Allah S.W.T telah mengakhiri surah ini dengan cerita mengenai Qarun yang akhirnya menerima pembalasan yang amat dahsyat daripada Allah S.W.T. di mana Allah telah menenggelamkannya di dalam bumi (1). Penutup ini mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﴿ ص﴾ yang menunjukkan kepada sebarang perkara yang kuat, keras, bertenaga, suara yang kuat dan sebarang perbuatan yang mempunyai pergerakan yang kuat. Hubungkait ini wujud kerana kejadian penenggelaman Qarun ini merupakan satu kejadian yang kuat, keras, suara yang kuat dan sudah pasti melibatkan gegaran yang amat dahsyat .

Dari perbincangan tentang hubungkait dan wacana yang wujud di antara huruf-huruf ﴿ كهف﴾ dengan kandungan surah Maryam ini boleh disimpulkan bahawa huruf-huruf tersebut merupakan muqadimah kepada surah ini. Huruf-huruf tersebut merupakan paparan awalan kepada kandungan surah yang

(1)tempat Qarun ditenggelam menjadi sebuah tasik kekal hingga sekarang masih wujud di sebuah perkampungan yang bernama Fayyūm di Republik Arab Mesir

seterusnya. Apa yang jelasnya di sini ialah huruf ﴿ merupakan paparan atau gambaran awalan yang Allah S.W.T. gunakan untuk isi kandungan permulaan atau pertama surah ini. Sementara huruf-huruf ﴽ , ﴾ dan ﴿ merupakan gambaran awalan terhadap isi kandungan seterusnya surah ini. Dan huruf ﴽ pula merupakan paparan awalan terhadap isi penutup kepada surah ini.

3.5.4. Huruf-Huruf حم عسق Dan Hubungkait Dengan Isi Kandungan Surah Al-Syura

حمسق merupakan gabungan lima huruf yang terdiri dari huruf-huruf ح، م، س، ع، ق dan yang membentuk seolah-olah satu perkataan, namun begitu ia bukanlah satu perkataan kerana ia tidak mempunyai makna tertentu yang khusus yang boleh difahami dengan jelas dan mudah sebagaimana yang dimiliki oleh satu-satu perkataan. Walaupun begitu ia berperanan menunjukkan kepada makna-makna tertentu secara umum berdasarkan kepada sifat-sifat yang dimiliki oleh setiap huruf tersebut.

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini bahawa huruf ح menunjukkan kepada makna suasana yang sukar, sesuatu yang hidup atau bergerak, perbuatan yang melampaui batasan dan perkara yang meninggalkan kesan terhadap jiwa manusia.

Sementara huruf م pula menunjukkan kepada makna perbuatan yang tidak ada sebarang pergerakan, perbuatan yang hanya mempunyai pergerakan setempat, selesai, sempurna dan tutup. Bagi huruf ع pula ia menunjukkan kepada makna halangan, lambat, jauh dan susah untuk dicapai, pergerakan minda dan sebarang perbuatan yang tidak melibatkan pergerakan anggota badan.

Huruf س menunjukkan kepada makna perjalanan yang mudah dan senang, pergerakan yang berpanjangan dan kadang-kadang untuk makna perbuatan yang tidak ada pergerakan. Bagi huruf ق pula ia menunjukkan kepada makna sesuatu

yang terangkat dari permukaan bumi, pergerakan yang berputar, perbuatan yang ada pergerakan terangkat dan jatuh dengan kuat.

Demikian tadi disebut makna bagi huruf-huruf yang mendahului surah al-Syura ini. Sebelum perbincangan tentang hubungkait yang wujud di antara isi kandungan surah ini dengan huruf-huruf tersebut diteruskan adalah amat perlu didahului dengan perbincangan mengenai isi kandungan surah ini terlebih dahulu.

Surah al-Syura ini sama seperti surah-surah Makkiyyat yang lain iaitu memfokuskan kepada perbincangan pada perkara yang ada kaitan secara langsung dengan aqidah. Tetapi surah ini lebih menjuruskan kepada perbincangan mengenai hakikat wahyu dan risalah yang diturunkan kepada Baginda S.A.W., sehingga boleh dikatakan perbincangan mengenai wahyu dan risalah merupakan asas utama kepada isi kandungan surah ini secara keseluruhannya (Sayyid Quṭub. 1992: 25 / 3136).

Allah S.W.T. telah memulakan surah ini dengan menegaskan bahawa kesemua risalah kepada para rasul dan para ambiya' adalah diwahyukan oleh Allah S.W.T. dan risalah yang terakhir kepada Baginda S.A.W. merupakan lanjutan daripada risalah-risalah yang terdahulu (al-Jazā'iriyy. 1993: 4 / 593).

Seterusnya Allah S.W.T. menjelaskan tentang sifatnya yang Maha Mulia dan maha Bijaksana dan menyatakan bahawa Allah yang Maha Esa raja sekalian alam yang memiliki langit dan bumi serta segala isi kandungannya (al-Zuḥailiyy. 1991: 25 / 20).

Kemudian Allah meneruskan lagi perbincangan dengan menerangkan tentang sifat dan keadaan kejadian alam ini dengan menjuruskan kepada keimanan

Kemudian Allah meneruskan lagi perbincangan dengan menerangkan tentang sifat dan keadaan kejadian alam ini dengan menjuruskan kepada keimanan kepada Allah yang Maha Esa dan menyangkal kekufuran yang diamalkan oleh segolongan manusia (Ibn Āsyūr. 1980: 25 / 25).

Kandungan seterusnya surah ini diisi oleh Allah S.W.T. dengan perbincangan mengenai hakikat risalah dan wahyu Allah kepada Baginda S.A.W. dan penjelasan mengenai akhir kesudahan manusia yang sesetengah mereka ke syurga sementara yang lain ke neraka (al-Jazā'iriyy. 1993: 4 / 608 – 609).

Allah S.W.T. mengisi surah ini lagi dengan mengemukakan tentang hakikat risalah dan wahyu Allah kepada Rasulullah S.A.W. sekali lagi dan menerangkan bahawa al-Quran berperanan untuk menyatukan manusia yang berpuak-puak dan berselisih faham. Seterusnya lagi Allah menerangkan tentang hakikat ketuhanan yang Maha Esa yang berkuasa mengurus dan mentadbir langit dan bumi serta segala isi kandungannya dan sekelian alam ini (Ibn Āsyūr. 1980: 25 / 25).

Seterusnya Allah S.W.T. menerangkan kembali tentang hakikat risalah dan wahyu dan dipanjangkan dengan perbincangan mengenai sesetengah tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T. dalam memberi rezeki, menurunkan hujan dan menjadikan langit dan bumi serta segala isi kandungannya. Allah telah menerangkan mengenai sifat-sifat orang mukmin yang memisahkan mereka daripada golongan lain. Allah juga menerangkan mengenai qiamat dan gambaran orang-orang zalim apabila melihat azab Allah, dan Allah menyatakan bahawa dia mengangkat darjat orang-orang yang beriman pada hari akhirat nanti. Allah mengakhiri surah ini dengan menerangkan keadaan wahyu dan risalah (Sayyid Quṭub. 1992: 25 / 3137 – 3138).

Isi kandungan permulaan surah ini mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf yang pertama di permulaan surah ini iaitu huruf ﴿, ini kerana penegasan Allah terhadap hubungkait risalah kepada Baginda S.A.W. dengan para rasul dan nabi yang terdahulu boleh memberi kesan kepada jiwa manusia untuk menerima kebenaran risalah yang dibawa oleh Baginda S.A.W. Sesuai dengan makna yang ditunjukkan oleh ﴿ iaitu sesuatu yang meninggalkan kesan terhadap jiwa manusia.

Isi kandungan mengenai sifat-sifat Allah S.W.T. dan sifat alam ini dan kejadiannya mempunyai hubungkait dengan huruf ﴾, kerana pembentangan tentang perkara-perkara ini bertujuan supaya manusia berfikir dan membuat penentuan sendiri tentang ketuhanan yang sebenarnya. Sesuai dengan makna yang ditunjukkan huruf ﴾ iaitu perbuatan yang tidak ada pergerakan, berfikir pasti tidak ada pergerakan.

Isi kandungan surah yang seterusnya mengenai kesudahan akhir hayat manusia mempunyai hubungkait dengan huruf ﴽ, kerana tarikh dan masa berlakunya pembalasan tersebut agak panjang dan tidak pernah diberitahu oleh Allah S.A.W. tarikh tepat berlakunya perkara tersebut. Sesuai dengan makna yang ditunjukkan oleh huruf ﴽ iaitu lambat dan jauh.

Seterusnya perbincangan mengenai tanda-tanda kekuasaan Allah S.W.T. mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﴽ, kerana kekuasaan Allah S.W.T. merupakan sesuatu yang tidak akan terhenti dan terputus, ianya sudah pasti

merupakan sifat Allah yang sejak azali lagi dan tiada penghujungnya. Hal ini sesuai dengan makna yang ditunjukkan oleh huruf ﷺ iaitu sesuatu yang berlaku secara berterusan.

Perbincangan selanjutnya mengenai sifat orang-orang mukmin, qiamat dan kenyataan Allah mengangkat darjat orang mukmin serta isi penutup mengenai keadaan wahyu dan risalah mempunyai wacana dengan huruf ﴿، kerana sifat-sifat orang-orang mukmin terangkat dari sifat-sifat yang dimiliki oleh golongan manusia yang lain, begitu juga dengan qiamat. Apabila berlakunya qiamat sudah pasti kesemua yang ada di dunia ini akan terangkat berterbangan dari muka bumi ini. Begitu juga halnya dengan darjat orang-orang mukmin yang diangkat oleh Allah S.W.T. Sementara wahyu dan risalah merupakan sesuatu yang memerlukan kepada perbuatan yang mempunyai pergerakan yang kuat dalam usaha penyebaranya kepada manusia. Kesemuanya sesuai dengan makna yang ditunjukkan oleh huruf ﴿، iaitu sesuatu yang terangkat, sesuatu yang mempunyai pergerakan yang kuat dan sesuatu yang berpusing.

Dari sini jelaslah bahawa kesemua isi kandungan surah al-Syura ini mempunyai hubungkait serta wacana dengan huruf-huruf yang mendahului surah ini iaitu حم عسق . Hubungan ini merupakan hubungan di antara muqadimah dengan isi kandungan sebuah artikal. Huruf-huruf tersebut merupakan muqadimah kepada surah ini dan kesemua kandungan surah ini telah digambarkan secara keseluruhannya oleh huruf-huruf tersebut.

3.5.5. Huruf-Huruf ﴿ٰ﴾ Dan Hubungkait Dengan Isi Kandungan Surah Taha.

Huruf ﴿ٰ﴾ merupakan gabungan dua huruf yang terdiri daripada huruf-huruf ﴿ا﴾ dan ﴿ء﴾. Walaupun ia sama seperti satu perkataan namun ia bukan satu perkataan, kerana ia tidak boleh menunjukkan kepada sesuatu makna yang tertentu.

Huruf ﴿ٰ﴾ merupakan huruf yang kuat dan tinggi sifatnya, ia merupakan huruf qalqalah yang merupakan huruf letusan. Di mana laluan udara disekat terus semasa proses penuturan atau penyebutannya dibuat. Sesuai dengan sifat-sifat yang dimiliki oleh huruf ini maka ia menunjukkan kepada makna kuat, tinggi, luas dan besar serta sesuatu yang jatuh dari ketinggian. Sementara huruf ﴿ء﴾ pula seperti yang telah diterangkan sebelum ini ia merupakan huruf sederhana tinggi. Oleh itu ia menunjukkan kepada makna sesuatu yang tidak mempunyai pergerakan yang kuat, sesuatu yang rosak dan tidak berkemampuan.

Untuk perbincangan secara lebih dekat terhadap hubungkait yang wujud antara huruf-huruf ﴿ٰ﴾ dan ﴿ء﴾ di awal surah ini dengan isi kandungan surah ini, amat perlu dimulakan dengan perbincangan mengenai isi kandungan surah ini. Surah Taha ini secara asasnya membincangkan tentang asas aqidah Islamiah iaitu aqidah mentauhidkan Allah S.W.T.

Surah Taha ini dimulakan oleh Allah S.W.T. dengan menerangkan kepada Baginda S.A.W. tentang tugas yang dipertanggungjawabkan oleh Allah S.W.T. ke atas Baginda dan juga sempadan tugas yang perlu dilaksanakan oleh Nabi Muhammad S.A.W. Tanggungjawab tersebut bukanlah suatu kepenatan yang

diwajibkan ke atas Baginda dan ia bukan satu bebanan yang mengazabkan, tetapi ia merupakan satu tanggungjawab dakwah dan tazkirah mengenai berita gembira serta peringatan terhadap sempadan-sempadan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. dan urusan seterusnya adalah terserah kepada Allah (Sayyid Qutub. 1992: 16 / 2326).

Surah ini diteruskan lagi dengan kisah Nabi Allah Musa A.S. dari penyebaran risalah Baginda sehingga kepada pengambilan anak lembu oleh Bani Israel sebagai tuhan mereka selepas mereka keluar dari negara Mesir (al-Marāghiyy. 1965: 16 / 171). Allah telah menyampaikan kisah ini secara panjang lebar di dalam surah ini, khususnya tentang munajat Nabi Allah Musa A.S. dengan Allah S.W.T. Allah juga telah menerangkan mengenai dialog Baginda bersama Firaun lakinatullah alaih dan perlawanan Baginda dengan para ahli sihir Firaun (al-Zuhailiyy. 1991: 16 / 175).

Surah ini diteruskan lagi dengan kisah pendek mengenai Nabi Allah Adam A.S. dengan menerangkan tentang rahmat Allah ke atas Baginda selepas melakukan kesalahan semasa berada di syurga. Allah juga telah menjelaskan di sini bahawa Nabi Allah Adam telah diberi hidayat oleh Allah dan Allah meninggalkan manusia semua sebagai anak-cucu Baginda . Allah juga telah membuat gambaran terhadap hari qiamat (Sayyid Qutub. 1992: 16 / 2326).

Surah ini Allah telah akhiri dengan menenangkan Rasulullah S.A.W. dari keresahan Baginda berhadapan gelagat taghut golongan musyrikin dan musuh-musuh Allah. Allah telah menyatakan bahawa mereka akan berhadapan dengan pembalasan Allah di suatu masa kelak iaitu di akhirat nanti. Allah telah menerangkan bahawa segala kemewahan hidup yang mereka miliki bukannya nikmat tetapi fitnah yang

akan menambahkan bebanan azab keatas mereka di akhirat nanti (al-Zuhailiyy. 1991: 16 / 176).

Dari pemerhatian terhadap isi kandungan pertama yang membicarakan tentang tugas yang perlu dilaksanakan oleh Rasulullah, ia mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf **ب**, kerana tugas yang perlu dilaksanakan oleh Baginda merupakan satu usaha dan tindakan yang akan memberi kesan kepada kehidupan manusia. Ia juga merupakan satu tugas yang paling tinggi nilainya di sisi Allah S.W.T. Tugas ini memerlukan kepada tenaga, kepintaran pemikiran dan kekuatan perasaan untuk perlaksanaannya.

Untuk isi kandungan seterusnya Allah telah menceritakan perihal Nabi Allah Musa A.S. dalam usaha Baginda menyebarkan risalah Allah serta tindakan Bani Israi mengambil anak lembu untuk disembah sebagai tuhan mereka dan munajat Baginda dengan Allah S.W.T. serta cerita mengenai Baginda Nabi Allah Adam A.S. Kesemuanya ini mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf **ب**, kerana usaha Baginda menyebarkan risalah Allah dan munajat Baginda dengan Allah yang merupakan suatu ketinggian dan kemulian status di sisi Allah dan sekalian makhluk ini. Begitu juga dengan kisah Nabi Allah Adam A.S. yang mendapat pegampunan terus daripada Allah juga merupakan satu kemuliaan dan ketinggian darjat di sisi Allah. Pengambilan anak lembu oleh Bani Israel sebagai tuhan mereka setelah mereka menjadi pengikut setia Nabi Allah Musa A.S. merupakan satu tindakan yang telah menjatuhkan mereka dari ketinggian kemuliaan darjat ke lembah kehinaan .

Seterusnya kandungan akhir surah ini mempunyai hubungkait yang amat rapat pula dengan huruf **ب**. Kerana di akhirnya Allah telah menyatakan segala apa yang ada di sisi penentang Baginda S.A.W. adalah lemah, sedikit pun tak mampu untuk menewaskan Baginda S.A.W.kekayaan dan kemewahan yang ada pada mereka pun tidak berguna untuk menyekat peranan yang dilaksanakan oleh Baginda. Kekayaan serta kemewahan yang mereka ada merupakan fitnah yang akan melaknat mereka balik . Semuanya ini punyai wacana yang amat rapat dengan huruf **ب** yang menunjukkan kepada makna sesuatu yang lemah. Sesungguhnya segala tipu daya mereka adalah lemah.

Dari sini jelaslah kepada kita bahawa huruf-huruf **ب** dan **س** merupakan muqadimah kepada surah ini. Kesinambungan serta wacana dan hubungkait wujud dengan begitu erat di antara huruf-huruf tersebut dengan isi kandungan surah ini secara keseluruhan. Segala apa yang disampaikan oleh Allah S.W.T sebagai isi kandungan surah ini telah diterangkan oleh Allah terlebih dahulu secara ringkas melalui persembahan huruf-huruf **ب** dan **س** tersebut.

3.5.6. Huruf-Huruf م س ط Dan Hubungkait Dengan Isi Kandungan Surah-Surah Al-Syuara' Dan Al-Qasas.

م س ط merupakan gabungan tiga huruf iaitu huruf-huruf م س ط . ia merupakan gabungan satu huruf tinggi iaitu ط dan satu huruf sederhana tinggi iaitu huruf س و satu huruf lembut iaitu huruf م . Huruf ط sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini merupakan huruf kuat dan tinggi sifatnya, dan ia juga dikenali sebagai huruf qalqalah yang mempunyai sekatan suara semasa proses penuturnannya. Sesuai dengan sifat-sifat yang dimilikinya maka ia menunjukkan kepada makna sesuatu yang kuat, tinggi, luas, besar dan sesuatu yang jatuh dari ketinggian.

Huruf س و pula merupakan huruf sederhana tinggi sifatnya yang mempunyai daerah artikulasi yang mudah iaitu melibatkan hujung lidah dan gusi sebelah atas. Dengan sifatnya yang sederhana tinggi daerah artikulasinya yang mudah maka ia menunjukkan kepada makna sesuatu pergerakan yang mudah, pergerakan yang berpanjangan seperti pergerakan air dan ia juga menunjukkan kepada makna perbuatan yang tidak ada pergerakan .

Sementara huruf م pula sebagaimana yang telah diterangkan di banyak tempat sebelum ini ia menunjukkan kepada makna sempurna, kesudahan, perbuatan yang mempunyai pergerakan setempat atau perbuatan yang tidak melibatkan pergerakan anggota badan.

3.5.6 (a). Hubungkait Huruf-Huruf ﷺ Dengan Isi Kandungan Surah Al-Syuara'.

Sebelum perbincangan secara terperinci mengenai hubungkait huruf-huruf tersebut dengan isi kandungan surah al-Syuara' ini diteruskan, terlebih dahulu perbincangan mengenai isi kandungan surah ini amat perlu dikemukakan supaya hubungkait yang wujud dapat dilihat dengan lebih jelas lagi .

Untuk surah al-Syuara' ini Allah S.W.T telah memulakan dengan menenangkan kerohanian hati Baginda S.A.W. yang sedang berduka cita akibat tindakan dan pendustaan yang telah dilakukan oleh kaum musyrikin Quraisy keatas Baginda serta al-Quran. Di sini Allah telah menegaskan bahawa Allah maha berkuasa untuk memaksa mereka itu supaya beriman kepada Allah (al-Nasafiyy. 178).

Isi kandungan surah ini diteruskan lagi dengan kisah Nabi Allah Musa A.S. yang berhadapan serta berdialog dengan Firaun laknatullah alaih serta para ahli sihir Firaun (al-Qurtubiyy. 1988: 13 / 67 – 68). Kemudian diikuti pula dengan kisah Nabi Allah Ibrahim A.S. Di sini Allah telah menyampaikan berita gembira kepada orang-orang mukmin yang lemah dan sebaliknya janji pemusnahan kepada golongan zalim dan jahat yang sesuai dengan kedudukan mereka semasa menyebarkan risalah kepada kaum Baginda Nabi Allah Ibrahim A.S. Di sini Allah telah membentangkan dialog yang berlaku di antara Baginda dengan kaumnya mengenai aqidah dengan menafikan tuhan yang mereka sembah dan mengiyakan ibadat kepada Allah. Allah juga telah mengemukakan peringatan dengan hari akhirat (Abi Sa'ud. 1990: 26 / 247 – 251).

Surah ini diteruskan lagi dengan kisah Nabi Allah Nuh A.S., kemudian kisah kaum Ad bersama Nabi Allah Hud A.S. serta kisah kaum Thamud bersama Nabi Allah Saleh A.S. dan diteruskan dengan kisah Nabi Allah Syuaib A.S. bersama kaum Baginda (Ibn Āṣyūr. 1980: 19 / 91).

Surah ini diakhiri dengan kisah Nabi Muhammad S.A.W bersama kaum musyrikin Quraisy . Di sini Allah telah menyatakan tentang pembalasan yang sedang menunggu kaum musyrikin (Ibn Āṣyūr. 1980: 19 / 91).

Isi kandungan pertama surah ini mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﺏ kerana di dalam kandungan pertama pokok perbincangan utamanya ialah tentang kekuasaan atau kekuatan Allah untuk memberikan hidayah iman kepada seseorang dan Allah telah menenangkan Baginda S.A.W. supaya tidak berduakacita dengan tindakan kaum musyrikin Quraisy kerana apa yang dimiliki oleh Baginda ialah kemuliaan yang tiada bandingannya. Kekuatan dan kemulian adalah di antara makna yang dimiliki oleh huruf ﺏ.

Isi kandungan surah ini yang seterusnya mengenai kisah-kisah para nabi yang terdahulu, di mana semasa mengemukakan kisah-kisah berkenaan Allah telah memfokuskan kepada dialog-dailog yang berlaku di antara watak-watak utama di dalam kisah-kisah tersebut. Dailog atau percakapan yang diucapkan oleh para nabi sudah pasti menggunakan bahasa yang baik dan dengan penuh peradaban. Hal ini mempunyai wacana atau hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﻭ, kerana dailog atau percakan para nabi merupakan perbuatan yang lembut dan bersopan. Ini menepati dengan sifat dan makna yang dimiliki oleh huruf ﻭ.

Akhirnya Allah telah menutup surah ini dengan kisah Nabi Muhammad S.A.W. bersama kaum musyrikin Quraisy dengan menegaskan bahawa mereka telah pun dicadangkan oleh Allah S.W.T. dengan azab pembalasan yang setimpal dengan apa yang telah mereka lakukan di atas muka bumi Allah ini. Kesemuanya ini mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﴿،﴾ kerana azab pembalasan yang disediakan oleh Allah kepada kaum musyrikin Quraisy merupakan penyudah kepada kehidupan mereka. Ini menepati dengan sifat dan makna yang dimiliki oleh huruf ﴿،﴾.

Hasil dari perbincangan di atas didapati sebagai kesimpulannya gabungan huruf-huruf ﴿سْمِ﴾ merupakan muqadimah kepada surah al-Syuara' ini. Makna yang ditunjukkan di dalam huruf-huruf tersebut masing-masing merupakan gambaran awalan tentang apa yang akan disampaikan oleh Allah S.W.T. sebagai isi kandungan surah, bermula dengan isi pertama sehingga kepada isi terakhir atau penutup surah ini.

3.5.6 (b). Hubungkait Huruf-Huruf ﴿ س ﴾ Dengan Isi Kandungan Surah Al-Qasas

Perbincangan mengenai hubungkait huruf-huruf ﴿ س ﴾ dengan kandungan surah al-Qasas amat perlu didahului dengan perbincangan mengenai isi kandungan surah ini, supaya hubungkait dan wacana di antara kedua-dua dapat dilihat dengan lebih dekat dan mudah .

Allah S.W.T. telah memulakan surah ini dengan menyatakan bahawa Allah telah membentangkan kisah atau cerita mengenai Firaun dan Nabi Allah Musa A.S. untuk tatapan Baginda S.A.W. dan sekelian orang-orang mukmin (al-Jazāriyy. 1993: 4 / 52).

Kandungan surah diteruskan lagi oleh Allah S.W.T. dengan cerita Nabi Allah Musa A.S. bersama firaun. Kemudian Allah telah membentangkan tentang pembalasan yang akan diterima oleh golongan yang menentang dan mengingkari ajaran Allah S.W.T. Seterusnya Allah juga telah mempersebahkan kisah Qarun yang angkuh dan sompong serta bongkak, telah dilaknat dan di musnahkan oleh Allah S.W.T (Sayyid Quṭub. 1992: 20 / 2674).

Akhirnya Allah menunjukkan kata-katanya kepada Baginda Nabi Muhammad S.A.W. dan pengikut Baginda yang sedikit semasa di Mekah. Kata-kata Allah ini turun semasa Baginda keluar dari kota Mekah menuju ke Madinah al-Munawwarah. Semasa itu Baginda yang bersifat sebagai seorang insan, telah lahir dari hati sanubari Baginda perasaan sayu kerinduan teringatkan kampung halaman di kota Mekah. Lalu Allah menyatakan bahawa dakwah Baginda adalah suatu usaha yang wajib dilaksanakan, dan suatu hari nanti Rasulullah S.A.W. pasti akan kembali

ke Mekah. Ketika itu Allah akan menangkan Baginda Rasulullah S.A.W. dan pengikut Baginda ke atas kekufuran musyirikin Mekah. Akhirnya Allah mengakhiri kandungan penutup ini dengan permasalahan mentauhidkan Allah (Sayyid Quṭub. 1992: 20 / 2675).

Isi kandungan pertama surah ini mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﴿،﴾, kerana kisah Firaun dan Nabi Allah Musa A.S. boleh memberi kesan yang cukup mendalam kepada perasaan seterusnya tindakan Baginda S.A.W. dan orang-orang mukmin. Ini menepati dengan makna yang dimiliki oleh huruf ﴿،﴾ iaitu perbuatan yang memberi kesan yang kuat keatas sesuatu .

Isi kandungan seterusnya ada wacana dan hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﴿ؑ﴾. Ini kerana pembalasan yang Allah S.W.T sediakan kepada Firaun serta semua golongan yang menentang dan mengingkari ajaran Allah S.W.T, begitu juga dengan pembalasan yang telah Allah sediakan kepada Qarun merupakan pembalasan yang berlaku secara berterusan. Dengan kata lain, azab yang Allah telah sediakan kepada mereka merupakan telah , sedang dan akan berjalan secara berterusan tanpa henti-henti. Menepati dengan makna yang dimiliki oleh huruf ﴿ؑ﴾ iaitu sesuatu yang berjalan atau bergerak secara berterusan .

Akhirnya kandungan terakhir surah ini pula mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﴿؏﴾, kerana perasaan rindu Baginda terhadap kampung halaman merupakan tindakan atau perbuatan hati yang tidak memerlukan apa-apa pergerakan anggota badan. Ini menepati dengan makna yang dimiliki oleh hufur ﴿؏﴾

iaitu setiap perbuatan yang tidak memerlukan kepada sebarang pergerakan anggota badan. Begitu juga dengan isi terakhir sekali iaitu mengenai permasalahan tauhid, juga mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﷺ kerana Allah S.W.T. memiliki segala kesempurnaan. Ini menepati dengan makna yang dimiliki oleh huruf ﷺ iaitu sesuatu yang sempurna.

Hasil dari analisis tadi, kita dapati bahawa huruf-huruf ﷺ merupakan muqadimah kepada keseluruhan kandungan surah al-Qasas ini. Kesemua isi kandungan surah ini telah digambarkan secara ringkasnya oleh makna-makna yang ditunjukkan oleh huruf-huruf tersebut. Dari sini jelaslah lagi kepada kita, bahawa huruf-huruf tersebut mempunyai hubungkait atau wacana yang amat rapat dengan isi kandungan surah ini.

3.5.7. Huruf-Huruf طس Dan Hubungkait Dengan Kandungan Surah Al-Naml.

طس merupakan gabungan dua huruf, satu huruf kuat dan tinggi sifatnya dan satu lagi huruf sederhana tinggi sifatnya. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini huruf ط merupakan huruf kuat sementara huruf س pula merupakan huruf lembut. Sesuai dengan sifat yang dimiliki masing-masing maka huruf ط menunjukkan kepada makna setiap perbuatan yang memberikan kesan yang kuat ke atas sesuatu, sesuatu atau perbuatan yang kuat, kecantikan, tinggi, suara yang tinggi, sesuatu yang luas dan besar, kemuliaan dan jatuh dari ketinggian dan jauh serta penguasaan. Sementara huruf س pula menunjukkan kepada makna pergerakan yang mudah dan senang, pergerakan yang berpanjangan dan perbuatan yang tidak ada pergerakan.

Perbincangan mengenai hubungkait huruf-huruf ط dan س dengan isi kandungan surah al-Naml ini perlu dimulakan dengan perbincangan mengenai isi kandungan surah ini dahulu, supaya hubungkait tersebut dapat dijelaskan dengan lebih dekat lagi .

Allah S.W.T telah memulakan surah ini dengan menceritakan tentang al-Quran serta peranannya kepada kepentingan kehidupan manusia. Tajuk perbincangan utama di dalam surah ini ialah mengenai beriman kepada Allah dan beribadat hanya kepadanya, beriman kepada hari akhirat serta yakin adanya pahala serta pembalasan terhadapnya, beriman kepada wahyu Allah dan perkara-perkara ghaib yang semuanya daripada Allah dan tiada siapa pun mengetahuinya kecuali

Allah. Perbincangan juga tentang beriman bahawa Allah Pemberi rezeki dan Pengurnia nikmat. Di sini juga Allah telah memerintahkan hati-hati manusia supaya mensyukuri nikmat Allah ke atas manusia. Seterusnya perbincangan mengenai keyakinan bahawa tiada keupayaan dan kekuasaan kecuali bagi Allah (Sayyid Quṭub. 1992: 19 / 2624).

Allah meneruskan lagi surah ini dengan membawa datang kisah-kisah yang berlaku keatas nabi-nabi serta umat-umat terdahulu, bagi menggambarkan perkara-perkara tersebut di atas. Kisah pertama ialah kisah Nabi Allah Musa , di mana Allah telah menceritakan kisah Baginda berhadapan dengan Firaun dan para pengikutnya (al-Nasafiyy. 3 / 203 – 204). Diikuti dengan penerangan mengenai nikmat yang diberikan Allah ke atas Nabi Allah Daud dan nikmat ke atas Nabi Allah Sulaiman iaitu Baginda berupaya berkomunikasi dengan semut juga dengan burung belatuk serta Baginda mampu memerintah mengadap raja Saba' bersama-sama pengikutnya dan berserta dengan istana dan singah sananya sekali. Di dalam kisah ini digambarkan tentang pemberian nikmat ilmu , kerajaan dan kenabian kepada Baginda Nabi Allah Sulaiman serta penundukan jin dan haiwan kepada kerajaan Baginda. Pada kisah ini juga dijelaskan dasar aqidah tauhid yang disebarluaskan di dalam usaha dakwah para rasul. Dinyatakan juga di sini mengenai penerimaan raja Saba' terhadap kitab/surat daripada Nabi Allah Sulaiman dan juga penerimaan kaum Quraisy terhadap kitab Allah iaitu al-Quran (Abi Sa‘ūd. 1990: 6 / 277 – 288).

Surah ini diteruskan lagi dengan kisah Nabi Allah Saleh bersama kaum Baginda iaitu kaum Thamud. Di mana Allah telah menerangkan di sini tentang cengkaman golongan perosak dari kaum Baginda ke atas Baginda serta para pengikut Baginda. Allah juga telah menerangkan usaha kaum Baginda untuk membunuh

Baginda, kemudian Allah menyelamatkan Baginda bersama orang-orang mukmin. Kemudian diikuti dengan kisah Nabi Allah Lut bersama kaumnya, serta tindakan kaumnya menghalau Baginda dan para pengikutnya dari kampung halaman Baginda. Surah ini diteruskan lagi dengan menyatakan akibat yang akan diterima oleh kedua-dua golongan manusia dan gambaran mengenai kejadian alam serta kaitannya dengan kekuasaan Allah (al-Qurṭubiy. 1988: 13 / 142 – 147).

Surah ini diakhiri dengan rumusan Baginda S.A.W. terhadap dakwahnya dan apa yang perlu dilaksanakan dengan pujian kepada Allah serta meminta supaya berfikir tentang tanda-tanda kekuasaan Allah dan menilai serta berfikir di atas apa yang telah dilakukan (Sayyid Quṭub. 1992: 19 / 2625).

Dari perbincangan terhadap makna yang dimiliki oleh huruf ﷺ dan huruf ﷲ serta perbincangan mengenai isi kandungan surah didapati bahawa isi kandungan pertama surah ini mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﷺ . Ini kerana al-Quran serta peranannya merupakan sesuatu yang mulia yang tiada bandingannya. Al-Quran serta peranannya mempunyai kemuliaan yang amat tinggi di sisi Allah S.W.T. dan mahkluknya . Ini sesuai dengan salah satu makna yang dimiliki oleh huruf ﷺ tadi iaitu ia menunjukkan kepada makna kemuliaan .

Isi kandungan surah seterusnya iaitu pembentangan mengenai kisah-kisah para rasul terdahulu bersama pengikut dan penentang-penentang mereka - yang merupakan sebahagian kandungan surah – yang akhirnya Allah menjelaskan bahawa penguasaan dan ketinggian serta kemuliaan adalah milik mereka yang mendukung kalimah Allah. Dengan kata lain, kalimah tauhid dapat menguasai kalimah syirik

kepada Allah. Hal ini ada hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﴿ب﴾ yang mana salah satu makna yang dimiliki oleh huruf ini ialah penguasaan. Begitu juga dengan kandungan mengenai pembalasan Allah terhadap golongan yang syirik dan menentang ajaran Allah mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﴿ب﴾ kerana golongan tersebut akan mendapat kesan yang amat dahsyat daripada kekuasaan Allah S.W.T. menepati makna huruf ﴿ب﴾ iaitu perbuatan yang memberi kesan yang kuat ke atas sesuatu.

Akhirnya penutup surah ini pula mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﴿س﴾ kerana berfikir tentang kekuasaan Allah sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. di sini merupakan perbuatan yang tidak ada pergerakan, menepati makna yang dimiliki oleh huruf ﴿س﴾ iaitu perbuatan yang tidak ada pergerakan.

Sebagai rumusannya setelah analisis dibuat huruf ﴿ب﴾ dan huruf ﴿س﴾ yang berada di permulaan surah al-Naml ini merupakan pembukaan atau muqadimah kepada surah ini. Huruf ﴿ب﴾ mempunyai hubungkait atau wacana dengan sebahagian besar isi kandungan surah ini sementara huruf ﴿س﴾ pula mempunyai hubungkait dengan isi penutup surah ini. Dengan kata lainnya huruf-huruf ﴿ب﴾ dan ﴿س﴾ ini merupakan gambaran awalan yang Allah S.W.T gunakan untuk kandungan surah ini secara keseluruhannya.

3.5.8. Huruf-Huruf ﷺ Dan Hubungkait Dengan Isi Kandungan Surah Yasin .

سے merupakan gabungan dua huruf iaitu huruf ﷺ dan huruf ﷼. Ia bukan satu perkataan, kerana ia tidak menunjukkan kepada sesuatu yang tertentu sama ada kata kerja ataupun kata nama. Huruf ﷺ sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini ia merupakan huruf sederhana tinggi sifatnya yang menunjukkan kepada makna kehidupan baru, sesuatu yang hidup atau menghidupkan dan sesuatu yang kembali. Sementara huruf ﷼ pula merupakan huruf yang menunjukkan makna perjalanan yang mudah dan senang, pergerakan yang berpanjangan dan perbuatan yang tidak ada pergerakan.

Setelah perbincangan mengenai makna-makna harfiah yang dimiliki oleh kedua-dua huruf tersebut, maka teramat perlu satu perbincangan terhadap isi kandungan surah Yasin ini diadakan di sini supaya perbincangan tentang hubungkait dan wacana yang ada antara isi kandungan surah ini dengan huruf-huruf tersebut dapat dipaparkan dengan lebih dekat dan lebih jelas lagi.

Surah Yasin ini Allah S.W.T. telah mulakan dengan menerangkan tentang al-Quran yang merupakan kitab perundangan hidup manusia yang dibawa oleh Baginda S.A.W. merupakan kitab paling betul dan tepat dan ia mengandungi hukum-hukum Allah. Allah juga telah menerangkan di sini tentang peringatan atau tazkirah boleh memberi manfaat kepada orang yang menerimanya. Seterusnya Allah memerintahkan manusia supaya yakin dengan perkara ghaib dan bersedia menerima petunjuk dan dasar iman yang sebenar. Allah juga telah menggambarkan tentang

pembalasan yang akan dihadapi oleh golongan pendusta dan nikmat yang akan dirasai oleh golongan yang beriman (Ibn Ḥasyūr, 1980: 22 / 342 – 343).

Allah meneruskan lagi surah ini dengan cerita tentang kerugian yang diterima dan akan diterima oleh golongan pendusta dan pengejek para rasul. Allah juga telah menggambarkan tentang kejadian alam ini dan kejadian qiamat secara terperinci (al-Zuhailiyy, 1991: 22 / 289).

Surah ini diakhiri dengan rumusan kesemua kandungan surah dengan menafikan al-Quran dari sajak dan segala hubungan Baginda dengan sihir. Kemudian diikuti dengan gambaran yang menunjukkan kepada ketuhanan yang satu dan gambaran kekuasaan Allah S.W.T (al-Zuhailiyy, 1991: 22 / 289).

Isi kandungan pertama surah ini iaitu penerangan Allah tentang al-Quran serta peranannya yang merupakan kitab perundangan kehidupan manusia yang dibawa oleh Baginda S.A.W. terus daripada Allah S.W.T. merupakan kitab perundangan kehidupan baru kepada manusia yang menyediakan garis-garis panduan atau tatacara yang baru untuk kehidupan manusia. Dengan kata lain, al-Quran dengan peranannya yang unggul menyediakan kehidupan baru kepada seluruh umat manusia di permulaan penurunannya sehingga ke hari ini dan seterusnya. Semua kandungan ini sememangnya mempunyai hubungkait dan wacana yang amat rapat dengan huruf ﷺ, kerana huruf ﷺ memiliki makna antaranya ialah kehidupan baru dan sesuatu yang menghidupkan. Al-Quran sememangnya merupakan kehidupan baru kepada manusia di samping ia juga merupakan penghidup kepada jiwa-jiwa yang mati.

Isi kandungan seterusnya yang merupakan keseluruhan perbincangan di dalam surah ini iaitu penerangan mengenai pembalasan yang ditetapkan oleh Allah S.W.T. terhadap golongan yang menentang dan pendusta para rasul dan ajaran Allah S.W.T. dan golongan beriman mempunyai hubungkait dan wacana yang amat rapat dengan huruf ﷺ, kerana pembalasan yang kedua-dua golongan tersebut terpaksa lalui merupakan kehidupan baru bagi kedua-dua golongan tersebut. Kedua-dua golongan akan kembali kepada Allah di akhirnya sebagai pemutus tentang kedudukan kehidupan mereka nanti. Ini menepati makna yang dimiliki oleh huruf ﷺ iaitu kehidupan baru serta sesuatu yang kembali.

Isi penutup surah ini pula mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﷽, kerana pembentangan Allah terhadap gambaran kejadian alam yang menunjukkan kepada kekuasaan serta keagongan dan keesaan Allah S.W.T. Kesemuanya itu sudah pasti memerlukan kepada aktiviti berfikir bagi merealisasikan perkara tersebut. Ini sesuai dengan makna yang dimiliki oleh huruf ﷽ iaitu setiap perbuatan yang tidak ada pergerakan.

Dari analisis tersebut jelas kepada kita bahawa huruf-huruf ﷺ dan ﷽ merupakan dua huruf yang digunakan oleh Allah S.W.T. sebagai muqadimah atau pembukaan kepada surah ini. Ia merupakan paparan awalan Allah S.W.T kepada apa yang Allah akan sampaikan selanjutnya di dalam surah ini sebagai isi kandungannya. Kalau kita lihat di sini huruf ﷺ yang Allah letakkan sebagai permulaannya mempunyai hubungkait dan wacana yang amat rapat dengan isi kandungan pertama dan isi kandungan-isi kandungan yang seterusnya di dalam surah ini. Sementara

huruf **و** pula mempunyai kaitan wacana yang amat rapat dengan isi kandungan penutup surah ini.

3.5.9. Huruf ﺹ Dan Hubungkait Dengan Kandungan Surah Sad.

Huruf ﺹ merupakan satu huruf yang digunakan oleh Allah S.W.T di permulaan surah Sad. Ia bukannya dari jenis perkataan dari golongan haraf/partikal di dalam bahasa Arab . Ia bukannya sejenis dengan ف , ل , ك dan lain-lainnya yang merupakan perkataan dari golongan haraf/partikal. Oleh itu, ia tidak mempunyai makna seperti satu perkataan ataupun tidak mempunyai makna seperti satu haraf/partikal. Huruf ﺹ ini merupakan huruf kuat, maka sesuai dengan sifat huruf ini yang kuat ia menunjukkan kepada makna sesuatu yang kuat, keras, bertenaga, suara yang kuat dan perbuatan yang mempunyai pergerakan yang kuat dan bertenaga.

Setelah kita mengetahui makna-makna yang dimiliki oleh huruf ﺹ ini maka amat perlu pendedahan mengenai isi kandungan surah ini secara keseluruhan dibuat di sini, supaya satu analisis yang lebih berkesan dan pemaparan atau pendedahan dapat dibuat dengan lebih jelas dan lebih dekat lagi. Pembentangan mengenai isi kandungan ini hanya perlu dilakukan secara keseluruhan yang melibatkan isi-isi utama sahaja bukannya setiap ayat perlu dibentangkan .

Sebagai isi kandungan pertama surah ini Allah S.W.T. telah mengambarkan secara ringkasnya tentang al-Quran dan gambaran penerimaan pembesar-pembesar musyrikin Mekah terhadap al-Quran (Ibn Ḥasyūr. 1980: 23 / 202).

Seterusnya Allah telah menyampaikan sesuatu yang menyentuh perasaan dan jiwa manusia iaitu tentang pernanan dan perbuatan jahat yang dilakukan oleh golongan pendusta Allah ke atas para rasul dan orang-orang mukmin, serta

kehancuran dan kemusnahan sebagai natijah dari perbuatan mereka yang menentang kebenaran (al-Zuhailiyy. 1991: 23 / 162).

Kemudian Allah telah mengemukakan gambaran nikmat kesenangan, rahmat dan perlindungan di sebalik bala daripada Allah ke atas hamba-hambanya yang terpilih daripada golongan orang-orang mukmin semasa hidup di dunia ini melalui pemaparan kisah-kisah Nabi Allah Daud, Nabi Allah Sulaiman Nabi Allah Ishak, Nabi Allah Yaakub, Nabi Allah Yasa, Nabi Allah Zulkifli dan Nabi Allah Ayub (Sayyid Quṭub. 1992: 23 / 3005).

Allah juga telah menerangkan tentang apa yang disediakan di akhirat nanti sebagai pembalasan. Dengan segala kenikmatan dan keredhaan Allah untuk golongan mukmin dan segala keazaban dan kemurkaan ke atas golongan kuffar (al-Zuhailiyy. 1991: 23/ 162). Allah juga telah menggambarkan tentang hasad dengki sentiasa wujud di dalam hati sanubari musuh-musuh Islam.

Allah telah mengakhiri surah ini dengan memfokuskan kepada wahyu dan segala kemuliaan dan keistimewaan yang ada pada al-Quran dan keikhlasan Baginda S.A.W. dalam menyampaikan isi kandungan al-Quran (al-Zuhailiyy. 1991: 23 / 162).

Setelah melalui pendedahan mengenai makna huruf ﷺ dan juga isi kandungan keseluruhan surah ini maka kita dapati bahawa isi kandungan pertama surah ini iaitu mengenai al-Quran dan penerimaan kaum musyrikin Mekah terhadapnya, mempunyai hubungkait dan wacana yang amat rapat dengan huruf ﷺ . Ini kerana al-Quran itu sendiri mempunyai kekuatan daya penarik yang boleh melembutkan hati-hati keras golongan musuh Allah. Al-Quran merupakan sebuah

kitab yang amat bertenaga sekali. Ini menepati dengan makna yang dimiliki oleh huruf ﷺ iaitu antaranya kuat dan bertenaga.

Isi kandungan surah ini yang seterusnya merupakan gambaran Allah S.W.T. tentang golongan pendusta Allah serta pembalasan yang mereka terpaksa hadapi sebagai natijahnya dan juga golongan mukmin yang mendapat segala kenikmatan daripada Allah. Isi kandungan ini mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﷺ ini juga. Ini kerana hasil kesemuanya itu merupakan daripada kekuasaan Allah S.W.T. yang mana kekuasaan Allah merupakan maha kuat dan maha bertenaga. Ini menepati dengan makna huruf ﷺ ini sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

Sementara isi kandungan akhir bagi surah ini mempunyai hubungkait serta wacana yang amat rapat dengan huruf ﷺ. Ini kerana usaha dakwah penyebaran isi kandungan al-Quran kepada umat manusia oleh Baginda S.A.W. memerlukan kepada kekuatan fizikal , mental dan keimanan serta bertenaga. Ini menepati dengan makna yang dimiliki oleh huruf sad iaitu sesuatu yang kuat dan bertenaga.

Dari analisis tersebut dapat disimpulkan bahawa huruf ﷺ merupakan muqadimah atau pembukaan kepada surah Sad ini. Ia merupakan gambaran atau paparan awalan oleh Allah terhadap apa yang akan disampaikan sebagai isi kandungan keseluruhan surah ini. Keseluruhan isi kandungan surah ini mempunyai hubungkait dan wacana dengan huruf ﷺ berkenaan.

3.5.10. Huruf ﴿ ق ﴾ Dan Hubungkait Dengan Kandungan Surah Qaf .

﴿ ق ﴾ merupakan satu huruf abjad yang berada di awal surah Qaf. Ianya sama dengan huruf ﴿ ص ﴾ yang berada di permulaan surah Sad . Huruf ini merupakan huruf yang terbit dari daerah artikulasi pangkal lidah dan ia merupakan di antara huruf yang bersifat dengan sifat tinggi dan kuat. Ia juga dikenali sebagai huruf qalqalah. Berdasarkan kepada sifat huruf ini yang tinggi dan kuat serta daerah artikulasinya yang dalam maka ia menunjukkan kepada makna sesuatu yang terangkat dari permukaan bumi ini khusus bagi menunjukkan makna pergerakan yang berputar atau separuh berputar dan pergerakan adalah pergerakan yang kuat.

Sebelum perbincangan mengenai hubungkait yang wujud di antara huruf ﴿ ق ﴾ dengan isi kandungan surah Qaf diteruskan, satu perbincangan secara menyeluruh tentang isi kandungan surah Qaf ini amat perlu dikemukakan. Ia bertujuan memaparkan dengan lebih mudah dan jelas lagi hubungkait yang wujud antara huruf ﴿ ق ﴾ dengan isi kandungan surah Qaf.

Surah Qaf ini dimulakan oleh Allah S.W.T. dengan perihal pendustaan golongan kuffar terhadap kerasulan Nabi Muhammad S.A.W. dan kebangkitan semula manusia selepas mati serta keingkaran golongan musyrikin terhadap wujudnya hari kebangkitan semula tersebut (Said Ḥawā. 1985: 9 / 5452 -- 5453).

Seterusnya Allah S.W.T. menggambarkan tentang kematian dan penderitaannya, sehingga hal kepada hisab dan pembalasan syurga dan neraka. Semuanya merupakan gambaran yang menakutkan, untuk lebih menarik perhatian

hati-hati yang angkuh dan sompong kepada Allah S.W.T. Allah juga telah menggambarkan tentang cerita golongan yang kufur dengan Allah dan gambaran kejadian alam ini yang sebenarnya. Allah S.W.T. telah mengakhiri surah ini dengan gambaran sebenar berlakunya hari qiamat (al-Zuhailiyy. 1991: 26 / 276).

Secara keseluruhannya isi kandungan surah ini mempunyai hubungkait serta wacana yang amat rapat dengan huruf ﴿. Hubungkait serta wacana ini wujud dari aspek makna kedua-duanya. Isi kandungan pertama mengenai hari kebangkitan semula manusia serta kematian dengan suasana hisab hinggalah kepada pembalasan neraka dan syurga dan di akhiri dengan gambaran tentang qiamat. Kesemuanya dari aspek makna merupakan sesuatu yang berlaku dengan pergerakan yang kuat. Untuk kebangkitan semula manusia Allah akan membangkitkan manusia dari bumi ini. Sementara kematian sudah pasti berlaku dalam suasana yang kuat sehingga menggeletar seluruh tubuh, lebih-lebih lagi qiamat ia sudah pasti akan berlaku dengan amat kuat gegarannya dan bumi ini akan berputar dengan kuat sekali.

Dari sini jelaslah kepada kita bahawa huruf ﴿ merupakan gambaran dan paparan awalan terhadap isi kandungan surah ini secara keseluruhannya. Kalau kita lihat kepada isi kandungan surah ini kesemuanya menggambarkan dan menceritakan tentang sesuatu yang berlaku dalam suasana yang amat kuat seperti qiamat, suasana . hisab, kematian serta hari kebangkitan semula. Ianya amat sesuai dengan makna yang dimiliki oleh huruf ﴿ tersebut sebagaimana yang telah dikemukakan di permulaan tajuk ini.

3.5.11. Huruf ڽ Dan Hubungkait Dengan Kandungan Surah Al-Qalam .

ڽ merupakan satu huruf abjad yang digunakan oleh Allah S.W.T. di permulaan surah al-Qalam. Ia merupakan huruf sengauan dan huruf lembut yang mempunyai pergerakan yang minimum. Ia juga merupakan salah satu huruf yang mudah , ringan dan cepat untuk disebut. Sesuai dengan sifat yang dimilikinya itu, maka ia menunjukkan kepada makna menafikan dan menolak sesuatu. Ia juga menunjukkan kepada makna suara sesuatu yang berbagai-bagai dan menunjukkan kepada makna pergerakan yang lembut dan perlahan. Dengan kata lainnya huruf ini melambangkan kepada kelembutan .

Satu pendedahan secara keseluruhan mengenai isi kandungan surah al-Qalam ini amat perlu dilakukan untuk memaparkan hubungkait serta wacana yang wujud di antara huruf ڽ ini dengan isi kandungan surah al-Qalam ini. Isi kandungan surah amat perlu dikemukakan di sini, untuk pendedahan yang lebih dekat dan jelas tentang hubungkait yang wujud antara kedua-duanya itu.

Allah S.W.T. telah memulakan surah ini dengan menyatakan tanggapan golongan kafir terhadap Baginda Nabi Muhammad S.A.W. sebagai gila, lalu Allah S.W.T. menafikan dengan tegas terhadap tanggapan tersebut. Allah telah menyatakan akhlak Baginda yang sebenarnya (al-Jazâ'iriy. 1993: 5 / 406 –407).

Allah seterusnya menyatakan betapa buruknya akhlak yang dimiliki oleh setengah golongan kuffar dan segala pembalasan yang telah ditetapkan ke atas mereka. Allah telah memberi gambaran tentang golongan ahli syurga dengan

pembalasan nikmat yang telah disediakan oleh Allah kepada mereka (Sayyid Quṭub. 1992: 29 / 3652 – 3654).

Allah telah mengakhiri surah ini dengan memerintahkan Baginda S.A.W. supaya bersabar dengan segala penderitaan kesakitan akibat perbuatan golongan musyrikin (al-Jazā'iriy. 1993: 4 / 418 – 419).

Keseluruhan isi kandungan surah ini seperti yang telah disebut di atas mempunyai hubungkait yang amat rapat dengan huruf ﷺ. Di dalam isi kandungan yang pertama fokus ditujukan kepada penapian Allah S.W.T. terhadap tanggapan jahat golongan kufar terhadap Baginda Rasulullah S.A.W. Ini amat tepat sekali dengan salah satu makna yang dimiliki oleh huruf ﷺ iaitu menafikan dan menolak sesuatu.

Sementara gambaran tentang pembalasan nikmat yang disediakan kepada golongan mukmin oleh Allah merupakan gambaran kehidupan yang penuh kelembutan. Hidup dalam nikmat adalah hidup dalam kelembutan tidak seperti hidup dalam niqmah (bala) yang penuh dengan kekerasan. Ia amat sesuai sekali dengan salah satu makna huruf ﷺ iaitu pergerakan atau tindakan yang lembut dan perlahan.

Akhirnya isi penutup surah ini merupakan perintah Allah Kepada Baginda Rasulullah S.A.W. supaya bersabar menghadapi segala kerana pengkhianat golongan kuffar. Bersabar makna bertindak dengan tidak keras dan berlemah-lembut bukannya melenting dan bertindak secara agresif. Hal ini amat sesuai sekali dengan

salah satu makna huruf ﴿ iaitu sesuatu pergerakan atau tindakan yang lembut dan perlahan .

Hasil dari analisis yang tersebut jelas kepada kita bahawa huruf ﴿ yang Allah S.W.T. gunakan di permulaan surah al-Qalam ini merupakan muqadimah atau pembukaan kepada surah ini .Ia merupakan paparan awalan kepada isi kandungan surah secara keseluruhannya. Oleh itu memang tepatlah wujudnya hubungkait serta wacana yang amat rapat di antara huruf ﴿ dengan isi kandungan keseluruhan surah ini.